


**Jilid I
Bil. 8**



**Hari Selasa
9hb Mach, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 581]

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 581]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 626]

USUL²:

Atoran Urusan Meshuarat [Ruangan 634]

Jalan² Masok ka-Parlimen [Ruangan 634]

Timbalan Yang di-Pertua—Perlantekan [Ruangan 635]

Jawatankuasa Kira² Wang Negara—Lantekan Pengerusi [Ruangan 635]

Jawatankuasa Pemilih—Perlantekan Ahli² [Ruangan 636]

Uchapan Tahniah kapada Kebawah D.Y.M.M. Atas Perlantekan-nya—Ikrar Ta'at Setia [Ruangan 637]

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj—merakamkan perasaan Penghormatan dan Penghargaan [Ruangan 640]

Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 [Ruangan 649]

Akta Chukai Pendapatan, 1967 [Ruangan 651]

Uchapan Terima Kasah kapada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 653]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 9hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH
ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN,
S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI
JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N.,
P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI
MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P.
(Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU
SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH
BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN
MAHMUD (Samarahan).
- „ Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jejebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENCKU MUHSEIN BIN ENCKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

- Yang Berhormat DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAEL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berbahagia TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibn).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ DATO' MOHAMED SAID BIN KERUAK (Kota Belud).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di-bawah ini telah mengangkat sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MUHIKBAH—KESAN PERLAKSANAAN MENYATU-PADUKAN RA'AYAT

1. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah di-fikirkan achara Muhibbah yang di-jalankan oleh pehak yang tertentu pada masa sekarang ini berkesan bagi menyatu-padukan ra'ayat di-Negeri ini.

Perdana Menteri: Kerajaan telah dan sedang menjalankan berbagai² usaha di-dalam lapangan pelajaran, perindustrian, perdagangan dan juga ranchangan² pembangunan untuk mengujud dan mengukuhkan

perpaduan negara. Kerja² yang di-jalankan oleh Majlis Muhibbah Negara ada-lah satu daripada usaha Kerajaan untuk menyatu-padukan ra'ayat di-negara ini.

Usaha² ini tidak mungkin dapat memberi kesan dengan serta merta bahkan akan memakan masa yang agak panjang, sa-kurang²-nya di-antara lima hingga sa-puluh tahun.

Mengujudkan suatu masharakat yang baharu daripada masharakat² yang berbilang keturunan, kebudayaan dan ugama bukan-lah satu perkara yang mudah dan memerlukan bukan sahaja masa yang agak lama bahkan juga kerjasama yang penoh dan ikhlas daripada semua pehak yang berpengaruh di-dalam masharakat kita di-dalam negara ini. Hanya dengan kerjasama dari semua golongan sahaja-lah ada harapan bagi negara ini mendapatkan ra'ayat yang sa-benar bersatu-padu.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tidak di-fikirkan oleh pehak Kerajaan untuk mengadakan satu ranchangan jangka pendek bagi menghadapi masalah perpaduan ra'ayat dalam negara ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedia sahaja menimbangkan ranchangan², baik jangka pendek atau pun jangka panjang.

FILM IMPORTERS DAN PANGGONG² WAYANG YANG DI-MONOPOLI

2. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan sedar pada masa sekarang ini Film Importers dan panggong² wayang di-monopoli oleh dua Sharikat sahaja dan ada-kah pehak yang berkenaan memikirkan chara ini tidak sehat.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar di-atas perkara ini dan saperti mana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum ini ia-lah hasil daripada proses dasar free enterprise yang telah berjalan di-negara kita. Walau pun begitu Kerajaan telah pun melantek sa-buah Jawatan-kuasa Kerja untuk meniliti atas perkara ini dan laporan-nya sedang ditunggu.

EXPORTER FILM DAN SHARIKAT MEMBUAT FILM SUPAYA DI-LAIN²KAN

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah Kerajaan pada hari akan datang akan menentukan orang² Exporter Film dan Sharikat yang membuat Film di-lain²kan dengan Sharikat yang menunjokkan filem.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tugas Jawatan-kuasa yang saya sebutkan tadi ia-lah termasuk juga aspek saperti mana yang tersebut di-dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu.

TANAH² HARAM DI-SEMPADAN DI-TANAM DENGAN POKOK² GETAH—TINDAKAN KERAJAAN

4. Tuan Hashim bin Gera bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apakah tindakan Kerajaan ka-atas orang yang membuka tanah haram dan di-tanami dengan pokok² getah yang beratus² ekar luas-nya di-sempadan Perak dengan Kedah.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya lain (*Ketawa*), tetapi yang ada pada saya ini lain.

Saya bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian, di-sini di-buat-nya Tuan Hashim bin Gera bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, tidak patut-lah saya bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan fasal pokok² getah di-tanam.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Ahli Yang Berhormat ada membuat tiga soalan.

Tuan Hashim bin Gera: Tiga soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali tiga soalan—satu daripada tiga itu yang berkenaan.

Tuan Hashim bin Gera: Daripada tiga ini, satu betul, dua salah (*Ketawa*). Soalan nombor 4, nombor 5 tidak betul, soalan nombor 6 betul pada tempat-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, saya langgar Ahli Yang Berhormat kita pergi ka-nombor 7, tidak usah tanya apa²-lah kali ini. Betulkan dahulu soalan² itu, lepas itu bertanya lagi sa-kali pada waktu yang lain.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya betul, tetapi pehak

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi yang betul pun tidak ada sedia Menteri² hendak menjawab-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: (*Kapada Tuan Mohamed Khir Johari*): Boleh?

Tuan Mohamed Khir Johari: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor berapa yang ada?

Tuan Hashim bin Gera: Soalan saya yang pertama nombor empat, saya bertanya kepada Menteri Tanah dan Galian.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah satu perkara

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor berapa yang hendak di-jawab ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Soalan nombor empat.

Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah satu perkara untuk tindakan Kerajaan Negeri. Walau

bagaimana pun ma'alumat yang telah diperolehi daripada Pengarah² Tanah dan Galian Perak dan Kedah ia-lah seperti berikut:

Di-Kedah, tiga daerah yang bersempadan dengan negeri Perak ia-lah Baling, Kulim dan Bandar Bharu. Baling ada-lah bersempadan dengan Daerah Kroh dan di-sini di-dapati Hutan Simpan yang di-jadikan Security Control Area dan tiada siapa² pun boleh memasoki kawasan ini melainkan dengan Surat Kebenaran.

Di-Kulim dan Bandar Bharu, tanah² telah di-beri milek kepada orang ramai, ia-itu sa-chara alienated land. Oleh itu di-negeri Kedah tidak ada orang yang membuka tanah haram yang di-tanami dengan pokok getah.

Bagi negeri Perak, di-sembadan antara Perak dan Kedah juga tidak ada orang yang membuka tanah haram yang di-tanami dengan pokok getah.

UNDANG² MENCHEGAH BUKAN WARGANEGARA MEMILEKI TANAH

5. Tuan Hashim bin Gera bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan adakah Kerajaan akan mengadakan satu undang² bagi mencheгах orang² yang bukan warganegara bagi memileki tanah atau pun memajak-nya di-Malaysia Barat ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bertujuan untuk mengadakan satu Undang² seperti itu untuk mencheгах orang² yang bukan warganegara bagi memileki tanah atau pun memajak-nya di-Malaysia Barat.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan berchadang hendak mengadakan Undang² sa-umpama itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sa-takat yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, banyak negara yang telah menjalankan Undang² yang seperti itu tetapi telah menukarkan dasar mereka itu dengan sebab di-dapati dasar yang sa-macham itu tidak memberi kemajuan kepada negara² mereka.

KEBUN² GETAH, KELAPA DAN KELAPA BALI DI-MILEKI BUKAN

WARGANEGARA

6. Tuan Hashim bin Gera bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah berapa banyakkah kebun² getah atau kebun kelapa dan kelapa bali yang ada di-Malaysia Barat ini yang di-mileki oleh orang yang bukan ra'ayat atau warganegara.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Jawi): Tuan Yang di-Pertua, ma'alumat mengenai pemilikan kebun² getah dan kelapa sawit di-Malaysia Barat oleh orang² yang bukan ra'ayat atau bukan warganegara tidak-lah dapat diperolehi dengan serta-merta. Jika ma'alumat seperti ini di-kehendaki daftar tanah² di-dalam 89 buah Pejabat² Tanah dan 11 Pejabat² Pendaftaran Tanah di-dalam negeri² hendak-lah di-pereksa dan taraf tuan² punya tanah yang di-daftarkan hendak-lah ditentukan. Satu kumpulan kaki-tangan yang khas hendak-lah di-tugaskan untuk menjalankan kerja ini.

Sa-kira-nya di-anggap perkataan estate itu berma'ana mana² tanah pertanian yang berpegang dengan satu atau lebeh daripada satu hak milek kelulusan atau jumlah kelulusan-nya tidak kurang daripada 100 ekar dan lot² tanah itu ada-lah berdamping atau pun contiguous. Bilangan pekebun² bagi tiap² jenis ada-lah seperti berikut:

Pekebun ² getah	2,098;
Pekebun ² kelapa	51; dan
Pekebun ² kelapa sawit	359

ANGKATAN LAUT RUSSIA MELALUI SELAT MELAKA SA-MASA PERSIDANGAN PERDANA² MENTERI KOMANWEL DI-SINGAPURA—PANDANGAN MALAYSIA

7. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri dalam masa persidangan Komanwel di-Singapura yang berlangsung baharu² ini, adakah pehak angkatan laut Russia memberitahu Malaysia akan pelayaran mereka melalui perayeran Selat Melaka itu dan apa-kah pandangan Malaysia terhadap kebebasan kapal perang Russia itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak di-beritahu berkenaan pelayaran kapal² perang Russia di-perayeran

Selat Melaka dalam masa persidangan Ketua² Negara Commonwealth di-Singapura kerana tidak ada peratoran yang memerlukan kapal² perang asing yang lalu di-perayeran Selat itu memberitahu Kerajaan akan tujuan mereka.

Berhubung dengan bahagian terakhir pertanyaan itu Malaysia tidak boleh menghalang perjalanan biasa atau innocent movement kapal² perang negara² lain di-perayeran bebas atau high seas.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan perkara kapal laut Angkatan Tentera Russia bagaimana kita sedia ma'alum bahawa Russia telah mengadakan satu pengkalan-nya di-lautan Hindi, bagaimana sikap Kerajaan Malaysia terhadap pengkalan ini dan ada-kah Russia telah memberitahu hal ini atas masaalah yang tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah sa-belum daripada berlaku-nya angkatan laut Russia melalui Selat Melaka itu pihak pentadbiran atau pun pihak Kerajaan Malaysia telah mengetahui lebih dahulu hasil daripada ma'alumat² yang telah didapati daripada wakil² atau agent² Kerajaan Malaysia sendiri?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya tidak boleh jawab, kerana public interest.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Sekira-nya Kerajaan Russia menghantar Jabatan Perisik-nya kepada Kerajaan kita supaya meminta kapal perang-nya, kapal angkatan laut-nya melalui perayeran Malaysia dengan tujuan keamanan sama ada tetap atau pun sementara, ada-kah bagi pihak Kerajaan Malaysia sedia membenarkan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita ada mempunyai perhubungan diplomatik dengan Russia, kalau ada permintaan sabagitu dengan tujuan yang baik, kita sedia menimbangkan.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pihak Perdana Menteri menganggap

bahawa kapal² perang Russia yang melalui Selat Melaka itu merupakan ancaman atau pun merupakan ugutan kepada Persidangan Commonwealth yang berlangsung di-Singapura itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya pelayaran kapal itu hanya-lah pelayaran biasa melalui perayeran bebas atau high seas. Semua kuasa² di-dunia ini mempunyai hak mempeyarkan kapal-nya melalui pelayaran² bebas.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Kerajaan Malaysia menganggap itu sa-bagai satu perang semangat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, itu harus juga saya tidak boleh mengetahui hal ini, terpulang-lah kepada timbangan masing².

PERKECHUALIAN DI-ASIA TENGGERA—JAMINAN KUASA² BESAR

8. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Perdana Menteri, Malaysia dari semenjak Pilihanraya 1969 yang lalu telah mengambil daya usaha bersungguh² bagi menjamin perkechualian negara² yang sedang membangun di-rantau ini dari menjadi mangsa permainan politik Kuasa Besar di-dunia, menyatakan kemajuan yang telah di-chapai bagi menentukan perkechualian di-Asia Tenggara dan sama ada Kerajaan telah menerima apa² jaminan dari negara² besar seperti Britain, Perancis, Russia, Amerika dan China Komunis didalam perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan beberapa kali ditempat² lain bahawa hasrat kita ia-lah untuk berusaha terhadap mewujudkan satu keadaan yang stabil dan aman di-kawasan Asia Tenggara ini. Kita berharap akan dapat membena pada satu masa hadapan satu golongan negara² Asia Tenggara yang kuat dan boleh mempertahankan tekanan² yang timbul dari luar. Untuk menchapai matlamat ini tidak-lah ada jalan lain melainkan untuk mengeshorkan perkechualian rantau ini yang di-jamin oleh kuasa² besar supaya kedaulatan dan keutuhan negara² di-rantau ini dihormati. Kita telah menerangkan tujuan kita kepada negara² jiran dan sahabat² lain kita

dan kita telah juga menerangkan pada awalnya tujuan ini di-dalam beberapa persidangan antara bangsa. Kita tetap akan berdiri tegoh dalam usaha² kita ini dengan harapan agar shor kita ini akan mendapat sambutan daripada semua yang berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, ada-kah Kerajaan boleh mensifatkan bahawa Peking telah memberikan jawapan yang pertama yang ia telah menghulorkan bantuan kepada mangsa² banjir kita melalui Palang Merah Antarabangsa dan dengan pemberian ini tidak-kah berma'ana bahawa Malaysia telah bertegur dengan Peking pada masa sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bantuan yang telah di-berikan oleh Kerajaan Peking melalui Red Cross, saya telah sifatkan sa-bagai bantuan daripada segi kemanusiaan atau pun "on humanitarian ground" dan tidak-lah boleh di-sifatkan atau tanda² sambutan bagi dasar kita ini. Harus juga barangkali perbuatan ini menunjukkan yang pehak Peking itu ada menukar sikap-nya sedikit terhadap kita di-Malaysia.

Tuan Haji Ahmad Arshad: Soalan tambahan lagi atas jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, gemar saya tahu supaya di-beritahu Dewan ini bagaimana bentuk kehendak dasar perkechualian Malaysia itu kepada tiga² negara kuasa besar seperti China Kominis, Amerika dan Russia. Ada-kah menghendaki negeri² itu mengumumkan dari negara-nya bahawa dia bersetuju atas dasar gagasan perkechualian yang di-umumkan oleh Perdana Menteri atau di-kehendakkan tiga² negara itu mengadakan perundingan dan persetuju dengan chara rasmi dengan di-beritahu Bangsa² Bersatu bahawa dia ada-lah mempersetuju² dasar gagasan perkechualian Tenggara Asia yang di-umumkan oleh Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir masa lebih lama lagi sa-belum kita mendapat akuan yang kita kehendaki itu, akan tetapi sa-belum shor kita ini dapat di-laksanakan mustahak-lah kuasa² besar mengadakan kata sepakat atau berhubung di-antara satu sama lain dan mendapat persetujuan hendak memberi pengakuan perkechualian negara² di-Tenggara Asia. Jadi sa-hingga negara² kuasa besar itu dapat mengadakan perhubungan di-antara satu sama lain tidak-lah dapat kita hendak

menentukan pada masa ini bagaimana chara-nya pengakuan yang kita kehendaki itu akan dapat di-laksanakan.

Tuan Azahari bin Mohd. Taib: Dato' Yang di-Pertua, mengenai soalan ini saya ingin menambah pertanyaan. Bagi menjayakan tujuan kawasan perkechualian ini, tidak-kah patut Kerajaan mengadakan dailog terus dengan Kominis China?

Dan lagi satu soalan, dengan chara-nya kita tidak mengakui Kominis China, ada-kah kita dapat menjayakan konsep perkechualian ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saperti yang saya terangkan tadi pada masa ini tentu-lah kita tidak dapat hendak menjayakan konsep ini terutama sa-kali pehak Kominis China belum-lah mendapat tempat lagi dalam badan² Bangsa Bersatu dan belum dapat di-adakan dailog bukan sahaja di-antara kita dengan Kominis China bahkan di-antara Kominis China dengan Amerika Sharikat. Jadi langkah yang pertama yang mesti di-jalankan ia-itu mestilah Kominis China itu mendapat tempat dalam badan Bangsa² Bersatu dan di-situ-lah harus di-adakan dailog di-antara negara² besar dan termasuk-lah kita semua dan negara² lain di-Tenggara Asia ini.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Memandang kepada perkembangan politik di-Asia Tenggara sekarang ini terutama-nya perkembangan² yang berlaku di-Vietnam, Cambodia, Laos dan perkembangan² tentang kemungkinan China Kominis menjadi anggota Bangsa² Bersatu yang merupakan sa-bagai suatu jalan untuk menyampaikan tujuan dasar yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini, saya ingin bertanya setakat ini sa-besar mana optimis-nya Perdana Menteri kita ini terhadap gagasan yang baik itu?

Perdana Menteri: Saya tidak boleh hendak sebutkan sa-besar mana optimis-nya tetapi saya optimistic, ada harapan baik.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Lanjutan atas jawapan yang di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tadi, saya juga ingin tahu dengan wujud-nya pergolakan baharu yang hangat di-kawasan Tenggara Asia ini yang mana China Kominis-nya melancarkan perang pembebasan, yang

Amerika-nya membanjirkan tentera²-nya di-negara kawasan ini dan Soviet Russia pula menguatkan ideologi-nya hidup bersama tidak-kah dengan tiga negara yang kita harapkan ini supaya mempersetujui gagasan kita itu menghancurkan atau menghampakan kehendak negara kita ini dan apa ikhtiar yang sedang di-buat oleh Kerajaan kita sama ada meminta bantuan Kerajaan lain atau bagaimana dalam hal ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada-nya pergolakan seperti yang di-sebut oleh Ahli Yang Berhormat itu maka kita telah mengshorkan supaya negara Tenggara Asia ini di-kechualikan ia-itu supaya kuasa² asing mengundorkan diri daripada kawasan Tenggara Asia ini dan tidak champor tangan dalam hal² Tenggara Asia. Jadi pada fikiran kita ini-lah sahaja satu jalan yang ada pada kita untuk hendak menjamin keamanan di-Tenggara Asia. Jadi kalau keadaan yang ada sekarang ini ia-itu semua kuasa² besar champor tangan dalam hal² di-Tenggara Asia ini neschaya Tenggara Asia ini terus akan menjadi keadaan yang gelap, yang tidak aman dan harus boleh berperangan seperti yang ada masa ini bukan sahaja akan berpanjangan dan akan merebak, atau meluas kepada daerah² yang lain.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang saranan yang di-berikan oleh Tun Adam Malek, Menteri Luar Indonesia semalam tentang patut atau tidak-nya di-jemput Hanoi ikut sama dalam perbinchangan Asean di-Manila yang akan datang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pehak saya belum mendapat lagi keputusan yang rasmi daripada pehak Kerajaan Indonesia, jadi saya tidak boleh hendak berchakap dalam hal ini.

UKUNEGARA—RATIFICATION AND PRACTICE OF

9. Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis) asks the Prime Minister to state:

- (a) whether it is necessary for the Rukunegara to be ratified by Parliament;
- (b) what Authority is responsible to ensure that the Rukunegara is respected and practised by all Malaysians.

Perdana Menteri: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is not necessary for the Rukunegara to be ratified by Parliament. It is the duty of every citizen to apply the Rukunegara in the conduct of his life. Now, the Government, on its part, will do everything possible to propagate the Rukunegara, so that it will be widely accepted by the people. The Government, in the formulation of its policies and the conduct of its business, will be guided by the principles which have been enunciated in the Rukunegara.

Dato' K. M. James Wong: Supplementary question, Sir. May I ask the Honourable Prime Minister which authority will be responsible for ensuring that the Rukunegara is being practised and carried out and which authority is responsible for censuring or prosecuting those who have offended the Rukunegara?

Perdana Menteri: Sir, the authority is the general acceptance by the people; and it is for the people themselves to see that they do conduct their lives in accordance with the principles enunciated in the Rukunegara.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, bagi menghormati dan mengawal Rukunegara kita, ada-kah Kerajaan berchadang bahawa pada suatu masa kelak Akta Undang² Tambahan bagi di-masokkan dalam Perlembagaan supaya dapat di-kuat kuasakan Rukunegara ini kepada ra'ayat seluruh Malaysia?

Perdana Menteri: Kerajaan tidak berchadang buat bagini, sebab Kerajaan berfikir kuasa yang kuat sekali ia-lah penerimaan Rukunegara oleh ra'ayat jelata di-negara ini, jadi apabila ra'ayat jelata menerima dasar atau pun prinsip yang ada dalam Rukunegara ini jadi Rukunegara itu mempunyai kuasa yang kuat bagi di-hormati oleh semua ra'ayat di-negara ini.

Dato' K. M. James Wong: Well, Sir, since the Prime Minister has said that the people have accepted the Rukunegara, I wonder on what authority does the Prime Minister say that. Surely the Parliament itself is supreme.

Tuan Yang di-Pertua: May I know what is the supplementary question of the speech, please?

Dato' K. M. James Wong: Well, would not the Prime Minister think, Sir, that it would be a good idea to have the Rukunegara ratified by Parliament since Parliament is supreme?

Perdana Menteri: Sir, I have already replied. I said it is not necessary because the idea is that the Rukunegara should be accepted by the people generally and the authority of the Rukunegara is its acceptance by the people. After all, Parliament is elected by the people, and the highest authority in the country is surely the people themselves.

Tuan Azahari bin Mohd Taib: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah patut asas² Rukunegara ini di-ajarkan di-sekolah² umpama-nya di-masokkan dalam buku² teks.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua perkara² ini akan di-timbangkan dan akan di-jalankan mana² yang di-fikirkan mustahak.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-atas ukoran apa-kah dapat kita menentukan Rukunegara itu dapat atau sudah di-terima oleh ra'ayat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ukoran-nya kita akan tentukan pada satu masa kelak kalau kita dapati ra'ayat di-negara kita berbilang bangsa menjalankan hidup mereka itu dengan rukun damai dan dengan berbaik² dan mempunyai perpaduan yang baik, saya fikir pada masa itu-lah kita boleh berkata ia-itu Rukunegara telah diterima dan di-laksanakan oleh ra'ayat di-negara kita.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah Perdana Menteri berasa bimbang dengan tidak ada satu ukoran tegas sekarang ini bagi menilai sa-jauh mana penerimaan ra'ayat itu, nasib Rukunegara akan menjadi seperti nasib Lagu Negara-ku di-mana ra'ayat tidak begitu menghormati lebeh² lagi di-panggong² wayang.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pada masa ini ia-itu sa-bahagian besar ia-itu daripada ra'ayat negara ini menerima Rukunegara dan daripada satu masa ka-satu masa pehak Kerajaan akan menyemak dan memerhatikan bagaimana

ra'ayat menghormati Rukunegara. Jadi dengan chara Kerajaan memberi galakan kapada ra'ayat supaya menghormati Rukunegara ra'ayat sendiri menerima Rukunegara ini. Saya fikir chita² kita dapat di-laksanakan.

MOSQUE IN LIMBANG—FUNDS FOR

10. Dato' K. M. James Wong asks the Prime Minister why the \$80,000 funds promised by him for the building of the new Mosque in Limbang have not been paid out to the Limbang Mosque Building Committee.

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, an allocation of \$80,000 was approved in 1965. Since the site for the Mosque had no registered document of title and the plan for the Mosque could not be made available by the Limbang Mosque Committee, the building of the Mosque therefore could not be carried out. Consequently, no allocation was given in the following year.

In 1969 the Limbang Mosque Committee applied for an allocation of \$121,800. Now, this amount was not recommended by the Sarawak State Development Officer. However, an allocation of \$80,000 was subsequently agreed to. In 1970 an Allocation Warrant of \$40,000 was released to Sarawak for this Mosque. The Sarawak State Government used this money to build a Mosque at Lawas, instead of at Limbang, as it was considered of higher priority and that the project should be proceeded with immediately.

Dato' K. M. James Wong: Since this promise to build the Limbang Mosque was made by the Prime Minister, and solemnly made by him, would the Prime Minister consider honouring the obligations made since the Committee is now ready to receive the money?

Perdana Menteri: I will certainly honour the promise I made. But as to the question of the amount, I promised \$80,000, not \$121,000.

Dato' K. M. James Wong: Would the \$80,000 be made immediately available by the Prime Minister, Sir?

Perdana Menteri: If I am satisfied that a site is available and that the Committee is ready to start constructing this Mosque, I will certainly do that in consultation with the

State Government; but I must caution the Honourable Member that the final authority on deciding priority of the projects in the State is the Sarawak Government. If the Sarawak Government considers that there are other projects of higher priority, then I have to abide by the advice of the Sarawak Government.

RUBBER "EMPORIUM OR SUPERMARKET"—SETTING UP OF

11. Dato' K. M. James Wong: (*under Standing Order 24 (2)*) asks the Minister of Commerce and Industry to state:

- (a) with reference to his suggestion with the Natural Rubber Producer Countries made in October, 1970, to set up a rubber "emporium or supermarket" to sell rubber directly to the buyers, whether such body had been formed;
- (b) if so, will this increase the rubber price.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli telah bersetuju pada dasar-nya untuk menubuhkan satu sistem pasaran bersama wilayah untuk getah asli. Satu Jawatan-kuasa Kerja telah di-tubuhkan untuk mengkaji chara² sistem itu dan Jawatan-kuasa Kerja itu akan mengadakan meshuarat-nya di-Indonesia dalam bulan Jun tahun ini.
- (b) Di-antara faedah² yang mungkin di-dapati daripada sistem itu ia-lah:
 - (i) pasaran² getah negara² di-dalam Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli akan terjalin (inter-linked) dan ini akan menetapkan satu harga untuk getah yang sama gred-nya di-dalam negara² asli;
 - (ii) pemerasan oleh peniaga² luar negeri akan dapat di-hindarkan; dan
 - (iii) susunan harga (price structure) untuk getah asli di-jangka akan dapat di-perkukuhkan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawab Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan, dengan di-tubuhkan sistem pasaran

getah itu dengan tujuan supaya dapat kita menjual getah² itu kepada negeri² yang hendak membeli getah, ada-kah Kementerian ini boleh meminta kepada Kerajaan supaya di-antara ahli perdagangan di-Malaysia ini pergi melawat China Kominis atas dasar penjualan getah Malaysia kita kepada Negara China Kominis.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, itu pun sedang di-timbangkan juga.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedar bahawa dengan dia mengadakan sistem timbang mitri² puluhan yang sedang berjalan sekarang ia-itu menjadikan kegelisahan kepada pekebun² kecil dan menjadikan getah-nya merosot, apa langkah Kerajaan hendak mengatasi masalah ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sa-tahu saya dalam Radio Malaysia selalu di-sebutkan harga-nya ikut lama juga. Jadi orang² kampung atau pun pekebun² kecil memang tidak terkeliru dalam hal ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila-kah agak-nya pada pandangan Menteri yang berkenaan ini ranchangan mengadakan supermarket ini atau emporium ini akan dapat di-jalankan?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak menjawab dengan tepat-nya tetapi rasa saya sa-lepas persidangan, atau sa-lepas meshuarat di-Indonesia nanti dalam bulan Jun dapat-lah satu gambaran yang lebih terang daripada sekarang ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah kerana stockpile Amerika ini menjadikan negara² yang mengeluarkan getah membuat satu supermarket atau emporium ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Ya, perkara ini pun termasuk dalam siasatan² yang di-jalankan oleh Jawatankuasa itu dan ada-lah di-jangka bahawa walau pun kita tidak dapat menahan Amerika daripada menjual getah simpanan-nya, dapat kita menjalankan ikhtiar² kita yang lain bagi memberi satu harga yang lebih tetap kepada getah asli kita.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana kita sedia ma'alum bahawa sa-buah sharikat daripada Amerika akan mengadakan sharikat kilang tayer-nya di-Malaysia ini. Saya ingin tahu chara mana bentuk modal yang di-tanamkan itu. Yang kedua, pada mengambil getah susu, ada-kah di-ambil daripada ladang² Eropah atau pun daripada pekebun² kecil kita untuk menampungkan bahan² daripada kilang Amerika itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, itu yang sa-benar-nya soalan lain daripada yang ada ini, tetapi berkenaan dengan kilang tayer yang akan di-bena itu, getah yang akan di-pakai itu ia-lah daripada pasaran Malaysia. Jadi apabila masuk dalam pasaran tidak dapat kita hendak menentukan, ada-kah getah itu getah estet atau pun getah pekebun² kecil. Tetapi saya suka hendak terangkan juga, ia-itu kegunaan getah asli dalam kilang tayer itu tidak-lah begitu banyak-nya seperti mana yang di-jangka oleh kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Speaker, soalan tambahan. Sa-kira-nya berjaya ranchangan ini hendak di-jalankan, kepada pembeli mana-kah yang hendak di-jualkan getah ini. Apa-kah Amerika yang menjadi pembeli yang utama getah kita di-Malaysia ini memandang serong tentang ranchangan kita hendak mengadakan super-market ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Tujuan kita ia-lah untuk mendapat pasaran daripada mana tempat sekali pun dan seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum baharu² ini kita telah menghantarkan satu rombongan untuk melawat Russia dan negara² Sosialis di-Eropah Timor untuk menggiatkan pasaran bagi getah asli kita.

PERBADANAN KEMAJUAN PELANCHONGAN MALAYSIA— PENUBOHAN

12. Dato' K. M. James Wong (*di-bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) Sama ada Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan Malaysia telah di-tubuhkan untuk mengganti Jabatan Pelan-chongan;
- (b) jika belum mengapa.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah menjadi tujuan Kerajaan untuk memansokhkan sama sa-kali Jabatan Pelan-chongan apabila Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan itu telah di-tubuhkan walau pun ini telah di-nyatakan beberapa kali dalam akhbar² tempatan. Jabatan Pelan-chongan perlu di-kekalkan kerana terdapat polisi² Kerajaan yang bersangkutan dengan pemberian incentive, latihan kakitangan industry, penyeliaan dan penyelarasan pekerja² Persatuan² Pelan-chong dalam negeri ini yang masih menjadi tanggung-jawab Kerajaan terus menerus.

Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan akan mengambil alih projek² Pembangunan Kerajaan Pusat dan melancarkan projek² baharu serta mengelolakan-nya.

Perbadanan juga akan menjalankan penyelidekan dan memperbaiki lagi kemudahan² di-kawasan pelan-chongan, pendaftaran, penyelia dan pengawalan hotel² dan lain² rumah tumpangan serta syarat² pelan-chongan, memelihara dan menggunakan segala daya usaha pelan-chongan untuk faedah yang sa-baik²-nya.

Perbadanan juga akan meninjau usaha² bagi mengatorkan temasha² kebudayaan dan sokan untuk pelan-chong² dan meningkatkan lagi mutu chendera-mata² yang di-tawarkan untuk jualan kepada mereka itu.

Perjalanan Perbadanan ada-lah di-tanggohkan buat sementara waktu sa-hingga berlangsung-nya wokshop dan persidangan tahunan Persatuan Perjalanan Kawasan Pasifik (PATA) untuk membolehkan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan menggunakan segala tenaga Jabatan Pelan-chongan dan lain² Kementerian dan Jabatan² dalam usaha menjayakan wokshop dan persidangan PATA yang akan di-adakan di-Malaysia dalam tahun 1972 nanti. Sementara itu segala persiapan akan di-buat termasuk lantikan pegawai² kanan supaya apabila selesai sahaja Persidangan PATA nanti, Perbadanan Kemajuan Pelan-chongan itu akan dapat mulai bertugas.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Menteri Yang berkenaan, apa-kah sa-benar-nya tujuan pelan-chong² yang datang daripada luar negeri ka-Malaysia ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tujuan-nya ia-lah hendak melihat kita berjoget dan sa-bagai-nya (*Ketawa*).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan saya, pelanchong² luar negeri yang datang ka-Malaysia ini ada-lah dengan bertujuan untuk melihat perkara² yang asli yang ada di-Malaysia seperti ukiran asli, barang² asli dan barang² purba asli. Apa-kah pandangan Menteri yang berkenaan tentang perkara² yang hendak di-adakan dalam perkara pembaharuan seperti mengadakan tempat² seronok² di-Malaysia ini ada-lah satu perkara yang menggemirakan oleh pelanchong² luar negeri?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, itu memang-lah dalam pengetahuan kita dan ini-lah juga yang kita jalankan ia-itu usaha² bagi menarik pelanchong² yang mempunyai berbagai² minat masing².

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah pada pandangan Menteri yang berkenaan bahawa kita di-negara Malaysia ini tidak perlu mengadakan perkara² yang di-pandang tidak elok dari sudut kesenian atau pun kerohanian ra'ayat Malaysia seperti mengadakan Kasino, ia-itu tempat perjudian yang tidak di-gemari oleh sa-bahagian besar ra'ayat Malaysia ini, tetapi apa yang saya tahu bahawa pehak yang berkenaan mahu mengadakan perkara² seperti itu dengan tujuan untuk menggalakkan perlanchnon.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, macham saya katakan tadi, pelanchong² mempunyai kechenderongan masing². Kalau dia suka pergi ka-Kasino, dia boleh pergi ka-Kasino. Kalau dia suka berjoget, dia boleh berjoget. Jadi, semua kita akan siapkan. (*Ketawa*).

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa Kasino yang terbesar telah ada di-beberapa tempat di-dunia ini. Kalau pelanchong² itu datang ka-Malaysia sa-mata² kerana hendak hadir Kasino atau berjudi, tentu tidak datang ka-Malaysia ini. Tidak-kah Yang Berhormat itu sedar bahawa sa-bahagian besar pelanchong² yang datang ka-Malaysia ini hendak melihat tanah ayer Malaysia ini dari segi keaslian-nya?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, pelanchong² itu datang bukan sahaja dia hendak pergi ka-Kasino, dia pergi tengok tempat lain, sambil² dia berjalan itu, dia main-lah sedikit (*Ketawa*).

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah tidak dalam pemikiran Menteri yang berkenaan dengan ada-nya perkara² yang baharu di-sebutkan sa-bentar tadi akan melanggar atau menyalahi daripada ugama Islam, ugama rasmi di-Malaysia ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ya, kita harap yang mana main itu bukan-lah orang Islam.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, tidak-kah yang hendak menganjorkan Kemajuan pelanchongan ini ia-lah Kerajaan—yang Kerajaan itu ia-lah sa-buah Kerajaan yang Perlembagaannya Islam sa-bagai Ugama Negara.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, mengapa pelanchong² yang datang itu tidak di-bawa oleh pemandu² pelanchong itu melawat kehidupan ra'ayat jelata di-kampong² yang di-dalam azab sangsara dan miskin, hanya di-bawa mereka itu ka-tempat² hiburan. Jadi, pada pandangan mereka, Malaysia ini ada-lah sa-buah negara aman dan ma'amor. Tetapi di-sebalek sana beberapa banyak penderitaan yang di-tanggung oleh ra'ayat. Saya berharap pegawai² pelanchong yang mengusahakan ini bawa-lah pelanchong² itu ka-tempat

Tuan Yang di-Pertua: Itu pertanyaan sahaja. Jangan-lah harapkan jawapan (*Ketawa*). Pertanyaan sahaja dahulu. Harapan itu kemudian.

Tuan Hashim bin Gera: Ma'afkan saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, pertanyaan saya itu-lah dia. Mengapa tidak di-bawa pelanchong² itu melawat tempat² yang benar² mustahak di-lawat-nya bagaimana kehidupan orang² di-Malaysia ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, memang di-bawa. Baharu sahaja dua hari saya ada di-Pahang. Saya telah berjumpa dengan satu pasangan daripada

Amerika yang telah datang terus daripada Amerika sa-mata² hendak melihat keadaan di-kampong² kita dan mereka itu telah pergi ka-Pahang dan Trengganu dan hari ini mereka itu ada di-Kelantan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, masalaah membawa pelanchong² ka-dalam negeri ini, ada-kah Kementerian ini sedia membawa juga ka-negeri Kelantan dan saya ingin tahu ada-kah Kerajaan Kelantan yang menjadi Islam Ugama rasmi itu menolak pelanchong² luar negeri datang ka-tempat-nya.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab soalan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramai pemandu² pelanchong yang ada di-negeri ini yang di-lateh dan tidak di-lateh oleh Kementerian yang berkenaan yang bertugas untuk hal yang tersebut.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pelanchongan hanya mempunyai dua orang pemandu sechara rasmi tetapi pehak² sawasta memang ada banyak pemandu² yang bertugas untuk memandu pelanchong² yang datang ka-negeri kita ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Menteri yang berkenaan tidak tahu berapa ramai bilangan²-nya?

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya berkehendakan notis atas soal ini.

ASEAN—CHADANGAN INDONESIA TERHADAP KERJASAMA PERTAHANAN

13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah telah sampai kepada pengetahuan Kerajaan sabagai Anggota ASEAN ia-itu Indonesia akan membincangkan soalan kerjasama pertahanan, dan apa-kah sikap Malaysia terhadap chadangan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya tidak, tetapi kita ada mempunyai satu fahaman bertulis atas perkara menjalankan gerakan² keselamatan dan memberi bantuan untuk menghapuskan musuh bersama di-antara kedua² negara di-kawasan² sempadan di-Malaysia Timor.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari sudut kebudayaan yang hendak di-laksanakan oleh negara Asean ini dapat-kah Kerajaan Malaysia ini mengutarakan dalam meshuarat Asean yang akan di-adakan di-Manila kelak supaya negara² Philipina dan Thailand mengkaji samula dasar-nya terhadap umat² Islam di-negeri itu sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh umat Islam negeri Thailand dan Philipina dan masalaah ini, Dato' Yang di-Pertua, kalau tidak di-selesaikan akan menyinggong perasaan negara² Asean ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini soal lain dan ini soal hal dalam negeri bagi Negara² itu dan kita tidak boleh mencham-pori hal² ini.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah kerjasama saperti yang di-terangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ujud juga antara Malaysia dengan Thailand.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ya, ada.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, sa-panjang kerjasama yang telah di-lakukan antara Kerajaan Malaysia dengan Thailand berkenaan dengan menghadapi musuh bersama di-sempadan ini, sa-jauh mana kejayaan² telah di-dapati dan sa-jauh mana pula pehak Thailand dapat memberikan atau menunjukkan minat kerjasama yang sunggoh².

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sendiri sa-bagai Menteri Besar di-negara yang berdekatan dengan Thailand dan bertanggung-jawab atas hal ini dan saya fikir sendiri tahu dan saperti yang selalu di-terangkan kita mempunyai kerjasama yang rapat dengan Thailand bagi menentang musuh² yang ada di-sempadan di-antara kita dengan Thailand dan kejayaan ada-lah terchapai dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Dato' Yang di-Pertua, dari jawapan yang di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang kemajuan² yang di-dapati dalam rundingan dengan Kerajaan Thailand, adakah kemajuan² saperti itu pernah di-laporkan kepada Menteri Besar Kelantan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar negeri mana hendak dilaporkan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Chuba ulang sa-kali lagi soal itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Mengikut keterangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa perundingan² yang selalu di-jalankan dengan Kerajaan Thailand sepatutnya di-ketahui oleh Menteri Besar Negeri Kelantan, jadi saya ingin mendapat fahaman, ada-kah segala keputusan yang di-buat dengan Kerajaan Thailand itu pernah di-laporkan kepada Menteri Besar Kelantan?

Perdana Menteri: Ini soal lain, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Menteri Besar Kelantan sebagai Menteri Besar yang bertanggungjawab berkenaan keselamatan dalam negeri Kelantan mengetahui hal² ini.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Kalau saya tahu sa-kali pun ia-lah hal² berkenaan dengan sempadan Kelantan sahaja. Apa yang saya minta penjelasan tadi ia-lah hendak mengetahui sa-jauh mana semangat kerjasama itu telah di-laksanakan, jadi tidak timbul soal Menteri Besar Kelantan tahu atau pun tidak tentang kerjasama itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab semangat kerjasama itu ada baik.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Satu perkembangan baharu di-Negara Asean ia-itu sa-buah Negara Republic Khymer ia-itu Kemboja akan menjadi anggota Asean, bagaimana sikap Malaysia pada memasukkan anggota ini, ada-kah menyokong atau menolak?

Perdana Menteri: Ini tidak ada kena mengena dengan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain, chuba bacha baik².

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, kerjasama keselamatan antara Indonesia dengan Malaysia, ada-kah Kerajaan Malaysia berchadangan hendak mengadakan latehan tentera laut bersama dengan Kerajaan Indonesia kelak?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain, ta' ada kena-mengena, kena pun jauh kena-nya.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah hasrat Kerajaan Malaysia hari ini hendak membawa ka-dalam sidang Asean hal² kebangkitan umat Islam di-Mindano yang ada kedengaran baharu² ini kerana hal ini ia-lah bersangkutan dengan umat Islam dan negara ini ada-lah berchorakkan, berchorakkan Islam.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi, hal ini ia-lah hal dalam negeri dan satu daripada syarat kerjasama kita dengan negara² sahabat di-Tenggara Asia ini ia-lah kita tidak boleh menchampori hal² dalam negeri negara² lain.

PERJANJIAN PERSAHABATAN DENGAN INDONESIA—BANTUAN PERTAHANAN

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah perjanjian persahabatan dengan Indonesia sekarang memperuntukkan supaya Indonesia boleh turut membantu Malaysia kira-nya Malaysia di-serang oleh musuh dari luar negeri, kira-nya tidak, ada-kah Kerajaan akan mengkaji perjanjian itu untuk memasukkan peruntukan mengenai pertahanan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian ini ada-lah Perjanjian Persahabatan dan tidak mengandungi fasal yang membolehkan satu pihak datang memberi bantuan pertahanan kepada pihak yang lain sa-kira-nya satu² negara itu di-serang oleh musuh dari luar, Kerajaan tidak memikirkan perlu pada masa ini untuk meujudkan satu fasal mengenai pertahanan dalam perjanjian itu.

KAD PENGENALAN DAN SURAT BERANAK—KELAMBATAN DAN KESUSAHAN KAPADA RA'AYAT

15. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengapa permohonan² dan kebenaran mendapat Kad Pengenalan dan Surat Beranak selalu mengambil masa terlalu lama, dari itu memberi kesusahan kepada ra'ayat, terlebih lagi mereka dari pesisir yang jauh dari Pejabat² Kerajaan.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, kelewatan bagi mengeluarkan Kad² Pengenalan dan Surat² Beranak yang telah berlaku dalam masa yang lepas, terutama sa-belum tahun 1970, ada-lah tidak dapat di-elakkan oleh sebab kekurangan kaki-tangan untuk mengendalikan-nya.

Langkah² yang sewajar-nya telah di-ambil dengan mengadakan pegawai² dan kaki-tangan² tambahan untuk mengendalikan kerja² tonggakan dan setakat ini lebih kurang 80% daripada-nya telah di-bereskan. Sa-lain daripada itu, tindakan juga telah di-ambil untuk menambah lagi lawatan² ejen² pendaftaran ka-kampong² yang terpenchil untuk kesenangan mereka yang tinggal berjauhan dengan Pusat² Pendaftaran. Sayugia di-ma⁴-alomkan kelewatan juga terjadi oleh sebab pemohon² sendiri tiada menjawab soalan² yang di-tanya oleh Pejabat Pendaftaran dan pemohon² tidak juga kadang² memberi ma⁴-loman kepada Pejabat Pendaftaran tentang pertukaran alamat mereka.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Assistant Minister tell this House what period it normally takes for a person to have his identity card if he complies with all the requirements of the law?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod ia-lah sa-lama 3 atau 4 bulan akan mengambil masa untuk menyempurnakan mana² permohonan.

Tuan V. David: Is it not an admission of inefficiency, when all the requirements are complied with, if it takes four months? Then something is wrong with the Department.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab banyak sangat kerja² tunggakan—there is a lot of arrears.

Tuan V. David: Will the Assistant Minister assure this House that action will be taken to streamline the Department so that applications are promptly cleared without delay?

Tuan Mohamed bin Yaacob: That has always been done.

Tuan V. David: It should be within one week.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri ada mengatakan pegawai² telah di-tambah lebih banyak di-tambah untuk mengerjakan kerja² yang lambat tadi, tetapi sudah pun dapat orang yang banyak kerja sampai tiga bulan, mengapa?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Boleh-kah soal sa-mula—tidak berapa dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Chuba ulang balek.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Mengikut jawapan daripada Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri tadi orang kita telah di-tambah lebih banyak, pekerja² telah di-tambah untuk menyegerakan pekerja yang lambat tadi, tetapi sampai sekarang di-katakan di-tanya oleh sa-orang Ahli tadi, katakan dalam tiga bulan baharu boleh siap satu Kad Pengenalan. Tidak-kah boleh di-buat dalam tempoh satu atau dua minggu, atau tambah lagi banyak pekerja?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Itu mustahil satu minggu oleh sebab banyak soalan² terpaksa di-tanya kepada pemohon², jadi akan mengambil masa sa-kurang², sa-chepat² barangkali satu bulan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Muda itu jamin dalam tempoh sa-bulan akan dapat Kad Pengenalan itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak boleh beri jaminan.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pehak Kementerian ini sedar bahawa Pendaftaran Surat Beranak ini kadang² menulis nama² kanak² yang baharu lahir atau pun yang di-buat Surat Beranak baharu dengan chuai, kadang² mengeja-nya tidak betul kadang² nama laki² di-sebut perempuan, dan ini jadi satu sebab yang lama juga untuk mendapat satu Kad Pengenalan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa orang kampong yang buta huruf telah di-butakan oleh Pegawai Pendaftaran itu dan menyebabkan dia terpaksa banyak menggunakan wang kerana denda itu dan denda ini. Ada-kah Kerajaan akan menimbangkan bahawa denda yang begitu berat tidak akan di-kenakan kepada orang kesilapan yang berlaku demikian?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Minta ulang soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang sa-kali, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa Pendaftar Surat Beranak ini telah di-chuaikan oleh Pegawai yang mendaftarkan itu, kadang² ada di-tulis nama-nya ejaan lain. Katakan-lah *Kob* di-sebut-nya *Cob*; kalau bahasa sekarang jadi *Chop* pula yang tidak ada nama dalam orang Melayu. Dan kadang² pula nama Aminah itu di-sebutkan laki². Dan ada-kah pula pihak pegawai ini sedar ini menjadi satu kesusahan kepada orang² kampung yang menyebabkan ia belanja beringgit², kadang² berpuluh ringgit untuk mendapat satu Kad Pengenalan, yang kedua. Yang ketiga, ada-kah Kementerian akan menimbangkan bahawa denda yang begitu banyak akan di-timbangkan atau tidak di-kenakan kepada pembayar chukai yang miskin itu?

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-benar-nya ada-lah pegawai sa-bagaimana yang di-cheritakan oleh Ahli Yang Berhormat itu beri-lah tahu kepada saya, kerana pada fikiran saya tidak ada pegawai yang buat seperti itu. Kalau ada beritahu kepada saya, kita akan ambil tindakan terhadap pegawai² yang sa-demikian itu.

Tuan V. David: From my information, there are quite a number of applications for identity cards pending for more than six months. Will the Minister assure this House that prompt action will be taken to clear these applications?

Tuan Mohamed bin Yaacob: It has already been replied, Sir.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai; tidak boleh lagi, masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop, dan jawapan² lisan bagi Pertanyaan² No. 16 hingga No. 43 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

CHUKAI BERGANDA—KENAIKAN HARGA

16. Tuan Pengarah Rahun anak Debak bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar bahawa kenaikan chukai berganda daripada 2% kepada 4% baharu² ini telah menyebabkan kenaikan harga barang² makanan seperti tepong, gula dan barang² makanan dalam tin yang mana mengakibatkan penderitaan di-kalangan penduduk² di-luar bandar yang berpendapatan kecil;
- (b) sama ada Kerajaan berchadang hendak mengekalkan kenaikan itu di-Sarawak.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): (*Dengan izin*) The 2% increase in surtax is very small and should not result in any significant increase, if at all, in the prices of flour and tinned foodstuffs. In the case of sugar, I would like to point out that raw sugar imported by our domestic refineries is exempt from the 2% increase in surtax.

In regard to the second question, this depends upon the Government's financial position. I should, however, add that it is not my practice, nor is it proper, to reveal beforehand the Government's future intentions in regard to revenue measures.

PINJAMAN KERAJAAN DARIPADA SUMBER² DALAM DAN LUAR NEGERI—JENIS²

17. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta kepada Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) butir² mengenai jenis² pinjaman yang di-buat oleh Kerajaan daripada sumber² di-dalam dan di-luar negeri dalam tahun 1968, 1969 dan 1970 dan jumlah satu²-nya;
- (b) jumlah bunga yang patut di-bayar, dan tempoh menyelesaikan pembayaran bagi tiap² pinjaman.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*):

- (a) The total domestic loans raised by Malaysia in 1968, 1969 and 1970 were \$404.5 million, \$430 million and \$395 million respectively, while the external loans, the agreements for which had been signed during those years, amounted to \$295.5 million in 1968, \$200.2 million in 1969 and \$154.1 million in 1970;

- (b) It is not possible for me to give orally the details relating to the total interest payable in respect of and the currency of each loan as the total number of domestic and foreign loans comes to 23 and 49 respectively. However, the total interest payable in respect of the domestic loans raised during the years 1968-1970 is in the region of \$1,220.4 million and that in respect of external loans is about \$208.8 million. The repayment period of the domestic loans extends from 1971 to 1989 while that for the external loans is spread over the period 1969 to 2018.

PANGGILAN² JAUH DI-SARAWAK

18. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

- (a) bila-kah sa-buah Ibusawat Talikom Otomatik akan di-pasangkan di-semua Bahagian Sarawak;
- (b) mengapa panggilan² jauh di-antara Miri, Bintulu, Limbang, Marudi dan Kuching tidak boleh di-dengar dengan jelas sedangkan panggilan² di-antara Kuala Lumpur dan Kuching boleh di-dengar dengan jelas; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan memperbaiki perkhidmatan² panggilan jauh di-antara 5 Bahagian di-Sarawak.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan):

- (a) lebih daripada 96% pelanggan² talipon di-Sarawak telah pun menggunakan perkhidmatan talipon otomatik. Ada-lah di-chadangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk memperuntukkan perkhidmatan otomatik yang penoh kepada ibusawat² yang kecil dan ibusawat² beroperasi di-luar bandar²;
- (b) pada masa ini saloran² talipon di-antara Kuching dengan Miri dan bandar² yang lain di-Bahagian Ke-4 di-Sarawak di-bawa oleh V.H.F. (Ulangan Amat Kerap) sepanjang jalan yang menghadapi beberapa rintangan dan gangguan² udara angkasa. Oleh itu, ada kala-nya ini tidak-lah begitu memuaskan;
- (c) Ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengetahui bahawa rancangan telah pun ada untuk mengendali sistem

microwave menghubungkan kelima² Bahagian di-Sarawak dengan bertujuan untuk mengadakan perkhidmatan talipon dan taligerap yang bermutu tinggi. Alat² perkara untuk bahagian yang pertama jalan microwave, ia-itu di-antara Kuching dengan Sibu telah pun tiba dan pemasangan-nya telah di-jadualkan berapa lama lagi.

HARGA GULA DI-SARAWAK—KAWALAN

19. Tuan Pengarah Rahun anak Debak bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah² bagi mengawal harga gula di-Sarawak.

Tuan Mohamed Khir Johari: Harga gula di-Malaysia Timor ada-lah lebih kurang sa-rupa dengan harga gula di-Malaysia Barat ia-itu 40 sen sa-kati. Kekurangan Bekalan gula mentah di-negara² pengeluar untuk di-beli oleh pekilang² gula telah menyebabkan harga gula naik. Kementerian saya telah pun berusaha dengan seberapa yang boleh untuk menahan kenaikan harga gula supaya tidak menjadi lebih daripada 40 sen sa-kati. Salah satu daripada langkah² yang di-ambil ia-lah dengan mengenakan "price tagging" atau pun tanda harga dan tiap² pekedai di-wajibkan meletakkan tanda harga. Jika di-dapati mana² pekedai menjual gula lebih dari apa yang di-ambil oleh Kementerian saya.

BERITA² PENTING DI-LAMBAT²KAN

20. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Penerangan ada-kah benar penerbitan berita² penting selalu di-lambat²kan dengan sengaja, dan jika ya, mengapa.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Sa-tahu saya, tidak benar berita² penting selalu di-lambat²kan dengan sengaja. Jika Y.B. Tuan Awang Bungsu ada bukti²-nya yang tegas, saya bersedia menyiasat dan membetulkan keadaan ini, sama ada dalam Jabatan Penyiaran atau pun Jabatan Penerangan dalam Kementerian saya. Tetapi, barang di-ingat, oleh sebab Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran kedua²-nya sa-bahagian dari jentera Kerajaan dan perlukan berita² yang tepat dan benar, maka

kadang² terpaksa di-rujokkan satu² berita itu kapada asal-nya sa-belum di-terbit atau di-siarkan sa-bagai penentuan.

RUMAH² MURAH KAWASAN LUAR BANDAR DI-SARAWAK

21. Tuan Luhut Wan bertanya kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada Kerajaan mempunyai rancangan hendak memulakan pembenaan rumah murah di-kawasan² luar bandar di-Sarawak bagi penduduk² luar bandar untuk membaiki keadaan perumahan di-kawasan² itu; jika benar, bila, jika tidak, mengapa.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail): Soalan ini sapatut-nya di-tujukan kapada Kerajaan Negeri Sarawak kerana perkara "Perumahan dan Peruntukan untuk Perumahan dan Kediaman ia-lah tanggung-jawab Negeri di-bawah Perlembagaan.

Tetapi ada-lah wajar di-beritahu di-sini menurut rekod² yang ada di-Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan yang dahulu, rancangan² perumahan dalam Negeri Sarawak belum lagi berhasil oleh beberapa sebab², mithal-nya kekurangan bekalan ayer, kekurangan permintaan untuk jenis² rumah yang di-chadangkan, keadaan² tapak yang tidak sesuai. Dalam satu kes chadangan itu telah di-kemukakan kapada Perbadanan Kewangan Pembangunan Sarawak untuk di-laksanakan.

This question should rightly be directed to the State Government of Sarawak as "Housing and Provisions for Housing and Accommodation" is a State responsibility under the Constitution.

However, it may be pertinent to mention that, from the records available in the then Ministry of Local Government and Housing, the schemes in the State of Sarawak have not yet materialised for several reasons, such as lack of water supply, lack of demand for the proposed house-types, difficult site conditions, and in one case the proposal was transferred to Sarawak Development Finance Corporation for implementation.

TAHANAN POLITIK DI-BATU GAJAH—SEBAB²

22. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab² tahanan politik di-beri tempat per-

saorangan di-Batu Gajah sa-hingga lebih dari 6 bulan dalam tahun 1969 dan 1970; dan menyatakan berapa banyak-kah tahanan² yang maseh di-buat demikian dan untuk masa yang berapa lama.

Tun Dr Ismail: Ada-lah tidak benar mereka ini telah di-tahan di-dalam tempat tahanan bersaorangan sebagaimana di-nyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sungguh pun orang² tahanan itu telah di-tempatkan di-dalam bilek masing² tetapi mereka telah di-benarkan menjalankan senaman sa-lama 2 jam di-luar bilek² mereka tiap² hari dan juga telah mendapat keistimewaan² yang terdapat di-bawah Kaedah² Keselamatan Dalam Negeri (Orang Tahanan) 1960. Mereka perlu di-tempatkan ka-bilek masing² pada masa² itu untuk mematahkan kegiatan² pro-Kominis yang meningkat yang di-jalankan oleh mereka. Pada masa ini pun tidak ada orang² tahanan yang di-kurong bersaorangan sentiasa-nya.

PEGAWAI² KERAJAAN—RASUAH

23. Tuan Lim Kit Siang minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan² pegawai² Division I, Div. 2, Div. 3 dan Div. 4 yang telah (a) di-tudoh di-mahkamah (b) di-dapati salah sebab rasuah dalam tahun 1968, 1969, 1970.

Tun Dr Ismail:

(a) Pegawai² dalam Bahagian I, II, III dan IV yang telah di-da'awa ia-lah:

	1968	1969	1970
Bahagian I ...	3	4	6
Bahagian II ...	5	6	11
Bahagian III ...	47	46	39
Bahagian IV ...	3	96	10

(b) Pegawai² dalam Bahagian I, II, III dan IV yang di-dapati salah atas tuduhan² rasuah ia-lah:

	1968	1969	1970
Bahagian I ...	1	—	1
Bahagian II ...	—	2	4
Bahagian III ...	29	21	7
Bahagian IV ...	1	28	2

SUROHANJAYA DI-RAJA—SENATOR DATO' ATHI NAHAPPAN

24. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan mengapa Kerajaan tidak menerbitkan keputusan Surohanjaya Di-Raja yang di-lantek di-bawah Senator Dato' Athi Nahappan bagi mengumpulkan chadangan² bagi menghapuskan atau sa-balek-nya akan pilehanraya² kuasa² tempatan. Bila-kah Kerajaan berchadang hendak menerbitkan keputusan² Surohanjaya ini.

Menteri Teknologi, Penyelidekan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Laporan Surohanjaya di-Raja yang di-ketua' oleh Dato' Athi Nahappan belum lagi di-istiharkan oleh kerana laporan itu pada ketika ini masih di-kaji oleh jawatankuasa yang di-lantek oleh Kerajaan untuk mengkaji implikasi² penglaksanaan shor² Laporan itu.

Laporan Surohanjaya di-Raja itu akan di-umumkan apabila Kerajaan membuat keputusan atas-nya berdasarkan kepada laporan jawatan kuasa itu.

The Report of the Royal Commission of Enquiry headed by Dato' Athi Nahappan has not been published because it is at present being studied by a committee appointed by Government to examine the implications of the implementation of the recommendations of the Report.

The Report of the Royal Commission of Enquiry will be made public when the Government has taken a decision on the matter in the light of the report of this committee.

NILAI² KALORIE DI-HIDANGKAN DI-HOSPITAL

25. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Menteri Kesihatan ada-kah nilai² calorie dan makanan yang di-hidangkan di-hospital untuk pesakit² di-wad biasa telah di-luluskan dan di-kelolakan oleh pegawai² pakar makanan, dan apa-kah tindakan yang boleh di-ambil bagi membolehkan makanan² yang di-hidang untuk wad² perchuma itu lebih lazat dan bukan-nya yang sejok dan tidak bermutu seperti mana yang berlaku sekarang. Kes ini terdapat di-Hospital Besar Seremban.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Sukatan makanan hospital telah di-buat oleh Bahagian Kajian Zat

Makanan di-Pusat Penyelidekan Perubatan dan semua makanan di-hospital² ada-lah disediakan mengikut shor² dalam sukatan tersebut. Hospital Besar Seremban ada mempunyai sa-orang dietician yang menyelia persiapan makanan dan bertanggungjawab bagi menyediakan makanan khas yang mengandungi kalori² yang tertentu atau yang mengandungi zat² yang berguna untuk pesakit². Ahli Yang Berhormat tentu mengetahui selera sa-saorang itu berlainan, oleh yang demikian tidak-lah dapat memuaskan kemahuan semua pesakit². Saya telah mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan untuk menentukan bahawa makanan² hospital hendak-lah di-sediakan dengan sa-berapa enak dan memuaskan hati.

Mengenai makanan² panas, saya suka memberitahu Yang Berhormat yang "heated food trolleys" di-gunakan di-Hospital Besar, Seremban, dan sa-bagaimana Yang Berhormat sedia maklum, ramai pesakit² suka membiarkan makanan² panas mereka menjadi sejok sa-belum mereka makan. Dengan hal yang demikian, ada kala-nya mereka makan makanan yang telah sejok.

Hospital diet scales have been prepared by the Nutrition Division of the Institute for Medical Research and all hospital diets are served in accordance with the recommended diet scales. Seremban General Hospital has a dietician who supervises the preparation of meals and is also responsible for prescribed diets of special calorie or nutritive values for patients requiring them. As the Honourable Member is aware, tastes of individuals vary considerably and, therefore, it is not possible to satisfy every patient. I have instructed the Director-General to see that meals are prepared as appetising and satisfying as possible.

As regards hot meals, I should like to inform the Honourable Member that heated food trolleys are used in the General Hospital Seremban and, as the Honourable Member is aware, many patients like to leave their hot food alone to cool before eating and thereby sometimes have cold meals.

PERATORAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

26. Dr Chen Man Hin bertanya kepada Perdana Menteri berkaitan dengan kenyataan beliau yang berbunyi: "dalam soal pertahanan kita mesti memperchaya' diri sendiri dan berdiri dengan kaki sendiri". Dasar

kenyataan ini amat bertentangan atas penyertaan Malaysia sa-bagai wakil Peratoran Pertahanan Lima Negara. Ada-kah apa² keraguan Kerajaan Malaysia dalam penyertaan di-sidang perjanjian pertahanan lima negara itu. Ada-kah kita bersedia meninggalkan sidang sa-umpama ini.

Perdana Menteri: Kami tidak ada apa² keraguan atas penyertaan Malaysia dalam Peratoran Pertahanan Lima Negara itu. Untuk ma'aluman Yang Berhormat, Y.A.B. Menteri Pertahanan akan menghadziri meshuarat Menteri² di-London pada bulan April untuk merasmikan persefahaman² dan peratoran² mengenai pertahanan yang telah dibinhang dan di-persetujui dalam meshuarat² yang telah di-adakan dahulu.

Kenyataan bahawa "dalam pertahanan kita mesti-lah memperchaya'i diri sendiri dan berdiri atas kaki sendiri" ada-lah berasas kapada keperchayaan kita bahawa pada akhir-nya pertahanan negara ada-lah kewajipan dan tanggungjawab kita sendiri. Namun begitu, dasar bekerjasama dalam peratoran Pertahanan Lima Negara tidak-lah bertentangan dengan keperchayaan kita itu.

We do not have any doubts whatsoever as to our participation in the Five Power Defence Arrangement. For the information of the Honourable Member, Y.A.B. Menteri Pertahanan would be going to London to attend the Ministerial Meeting next month to formalise the understanding and arrangements that have been worked out.

The statement that "in defence we should be self-reliant and stand on our own feet" is based on our conviction that in the final analysis the defence of our nation will be our responsibility. Malaysian co-operation in the Five Power Defence Arrangement is not contradictory to the conviction we have expressed.

MSA—SEBAB² PERPECHAHAN

27. Dr Chen Man Hin bertanya kapada Menteri Pengangkutan apa-kah sebab² berlakunya perpechahan MSA.

Menteri Pengangkutan (Dato' Abdul Ghani Gilong): Sebab-nya Kerajaan telah memutuskan hendak memansuhkan gabungan-nya dengan Kerajaan Singapura dalam menjalankan penerbangan bersama ini ia-lah kedua²

Kerajaan telah berpendapat ada-lah bermunafa'at besar bagi kedua² pihak menubuhkan sharikat penerbangan yang berasingan.

The reason for the Government's decision to dissolve its partnership with Singapore in the operation of a joint airline is that the two Governments have decided that it is in their best interest to establish separate airline organisations.

SUROHANJAYA PENYIASATAN ATAS KEJADIAN 13 MEI

28. Y.B. Tuan Fan Yew Teng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menubuhkan satu Surohanjaya Penyiasatan untuk menyiasat sebab² kejadian 13 Mei, suatu penyiasatan yang akan menyiasat kejadian² dan akibat²-nya, jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Tidak. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sa-masa menggulung perbahasan di-atas pindaan kapada Perlembagaan pada 3hb telah pun menerangkan mengapa Kerajaan menolak chadangan supaya Surohanjaya Penyiasatan itu ditubuhkan.

KERAJAAN BAHARU UGANDA—PENGIKTIRAFAN

29. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan mengiktirafkan Kerajaan Baharu Uganda, jika ya, apa-kah sebab²-nya dan jika tidak, mengapa.

Perdana Menteri: Oleh sebab belum lagi ada kedutaan-nya di-Uganda, soal pengiktirafan Kerajaan baru Uganda tidak-lah begitu mendesak. Sunggoh pun begitu Kerajaan maseh mengkaji soal ini. Berkenaan dengan "criterion" pengiktirafan satu satu negara, Malaysia akan mengiktiraf mana² Kerajaan yang sa-benar-nya berkuasa dalam negeri itu dan sanggup menghormati segala kewajipan antarabangsa-nya. Sa-lain dari itu negara tersebut harus-lah menghormati keuntohan dan kedaulatan negara Malaysia.

Since Malaysia has not yet established a diplomatic mission in Uganda, the question of recognition is not one of immediate concern. Nevertheless, the matter is under study.

With regard to the criterion for recognition, Malaysia recognises any Government that has effective control of the country and honours its international obligations, subject to the condition that that Government by its acts and pronouncements recognises Malaysia's territorial integrity and sovereignty.

REJIM BARU UGANDA— PENGIKTIRAFAN

30. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada pengiktirafan rejim baru Uganda oleh Kerajaan Malaysia akan memberi malu sa-tengah² Kerajaan Negara Afrika Selatan, jika ya, sama ada Malaysia akan membuat keputusan mengakui Dr Milton Obote sa-bagai Presiden Uganda yang sah.

Perdana Menteri: Sa-bagai yang telah saya katakan, Kerajaan sedang memerhatikan dengan teliti perkembangan² di-Uganda. Sa-belum keputusan di-buat atas soal pengiktirafan semua faktor² termasuklah reaksi negara² Afrika akan juga di-timbangkan.

As I have said earlier, the Government is watching the development in Uganda closely. In coming to any decision on the question of recognition, all factors including the reaction of the African States will naturally be taken into account.

RAKAMAN² UCHAPAN OLEH POLIS

31. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada ucapan² yang di-rekodkan oleh Polis dengan pita² dalam masa pilihan-raja boleh di-dapati oleh parti² politik bila permohonan di-buat dengan bayaran yang sesuai.

Tun Dr Ismail: "Tape Recorder" bukanlah satu alat yang tidak boleh di-punyaï oleh orang² ramai, lebeh² lagi Parti² Siasah. Oleh itu, saya perchaya Parti² Siasah tentu sa-kali mampu membeli-nya. Rakaman² yang di-ambil oleh Polis itu hanya-lah untuk kegunaan Polis bagi menentukan sama ada atau tidak sa-saorang yang membuat ucapan itu telah melanggar undang² negeri. Dengan itu, rakaman ini tidak-lah boleh di-samakan dengan dokumen² yang di-simpan oleh Pejabat Tanah atau Pejabat² Kerajaan yang lain, yang boleh di-keluarkan kepada orang² ramai dengan membuat bayaran yang ditetapkan.

PENUKARAN BUKU² TEKS

32. Tuan Lim Cho Hock bertanya Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada beberapa sekolah² selalu menukar² buku² mereka dan, jika ada, sama ada beliau akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya supaya ibu-bapa² tidak terkena membayar perbelanjaan yang tidak mustahak.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Ya, saya sedar ada beberapa buah sekolah di-negeri Malaysia Barat telah menukar buku² teks tanpa mendapatkan kebenaran daripada Kementerian dan dengan yang demikian telah melanggar arahan yang di-keluarkan oleh Kementerian. Di-mana pelanggaran ini di-buktikan maka Guru Besar dari sekolah² yang di-nyatakan itu telah diberi amaran sechra bertulis.

HARGA² BUKU² SEKOLAH

33. Tuan Lim Cho Hock bertanya kepada Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar harga² buku² sekolah meningkat dan, jika ada, apa langkah² beliau sedang atau akan ambil untuk mengator harga² itu.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ya, saya sedar harga buku² sekolah ada meningkat bagi beberapa tahun ini.

Kementerian saya mempunyai sa-buah Jawatankuasa yang sedang mengkaji masalah ini dan saya sedang menunggu laporan Jawatankuasa ini.

Yes, I am aware that there has been a steady rise in the prices of school books during the past few years.

There is a Committee in my Ministry which is currently studying this problem and I am awaiting its report.

PINJAMAN MALAYSIA DARI NEGERI² ASING

34. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak pinjaman Malaysia meminjam dari negeri² asing sa-belum dan sa-lepas 13hb Mei, 1969 hingga Disember, 1970, dan berapa jumlah bunga-nya dan apa perjanjian yang di-buat dengan negeri² asing itu.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Until 31st December, 1969, Malaysia's loan from external sources totalled \$746.9 million.

During 1970, Malaysia signed loan agreements with foreign Governments, institutions and agencies for further loans totalling \$154.1 million. The interest paid on such loans totalled \$23.8 million in 1968, \$28.4 million in 1969 and \$31.5 million in 1970.

The terms of repayment of loans taken up to 31st December, 1969 are as indicated in pages (iv) and (x) of the Estimates of Malaysia Federal Revenue and Expenditure for the year 1971. The repayment periods of loans raised during 1970 will commence from 1972 and go on until 2,018. As regards interest rates on loans raised during 1970, with the exception of one interest-free loan from the Canadian Government, the rates on the other loans range from 3% to 7½% per annum. Prior to 1970, interest-free loans have been obtained from the British and the Danish Governments.

JUMLAH PINJAMAN MALAYSIA— NAMA NEGERI²

35. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Kewangan menyatakan nama negeri² dan jumlah pinjaman yang Malaysia telah dapat hingga Disember, 1970.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) The details relating to the external loans raised by Malaysia until 31st December, 1969 can be found in pages (iv) to (x) of the Estimates of Malaysia Federal Revenue and Expenditure for the year 1971. During 1970, Malaysia signed loan agreements with the following countries and international organisations for the following amounts:

Country	Amount (M\$ million)
Canada	11.3
Germany	13.4
Japan	14.9
Netherland	1.7
Britain	8.0
World Bank (IBRD) ...	65.8
Asian Development Bank ...	38.9
	<hr/> \$154.0 million <hr/>

PERBELANJAAN KEAMANAN DAN PERTAHANAN

36. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Kewangan menyatakan berapa peratus dari perbelanjaan yang dikeluarkan sa-lepas 13hb Mei, 1969 hingga Disember, 1970, terutama sa-kali ka-atas Keamanan dan pertahanan Malaysia.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*).

Internal Security

With regard to expenditure on internal security, if the original budget provision of \$208.8 million for the whole of 1969 is taken as the basis for comparison, then the actual expenditure of \$214.2 million for that year would give a percentage increase of 2.6%.

The latest estimated expenditure for 1970, subject to adjustments before the accounts are closed, is \$295.3 million. If the original provision of \$208.8 million for 1969 is used for comparison, the percentage increase is 41.4%.

Defence

As regards expenditure on defence, taking the original authorised provision of \$363.5 million for the whole of 1969 as the basis, the actual outturn of \$329.5 million at the end of the year shows that there was an under-expenditure of 9.35%. However, for 1970, the latest estimated actual expenditure is \$502.8 million, and if the original authorised provision of \$363.5 million for 1969 is used as the basis, then the percentage increase is 38.32%.

It is not possible without considerable analysis to separate the amount of expenditure incurred after 13th May, 1969, from that incurred prior to that date, since some expenditure which was committed previous to that date might have been paid later in the year.

UNDANG² BUROH—PINDAAN²

37. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar bahawa pindaan² pada undang² buroh yang di-buat oleh Kerajaan dalam bulan Ogos 1969 telah banyak sa-kali menjejaskan keupayaan kesatuan² sa-kerja di-Malaysia melaksanakan tanggung-jawab² dan kewajipan² mereka terhadap anggota² mereka, khas-nya, dan orang² awam, pada 'am-nya, dan oleh yang demikian apa-kah langkah² beliau akan mengambil untuk membaiki keadaan ini.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Saya tidak fikir bahawa pindaan² kepada undang² Buroh yang di-keluarkan oleh Kerajaan pada bulan Oktober 1969 itu telah mengurangkan daya kesatuan² sekerja di-Malaysia untuk menjalankan tanggung-jawab² mereka. Pindaan² ini ada-lah dimaksudkan untuk mewujudkan ketenteraman perusahaan bukan hanya ketenteraman perusahaan yang di-perolehi sa-chara melulu tetapi ketenteraman perusahaan dengan keadilan yang membenarkan majikan² menjalankan kerja² mereka dan menguruskan tempat² pekerjaan mereka dengan chara yang paling baik bukan sahaja untuk kepentingan mereka dan pekerja² mereka tetapi juga untuk kepentingan masyarakat yang lebih luas bagi perusahaan itu menjadi sa-bahagian daripada-nya, manakala pekerja² pula di-beri jaminan pendapatan dan sharat² pekerjaan yang adil dan berpatutan.

Walau bagaimana pun, berikutan dengan perwakilan yang di-buat oleh M.T.U.C., banyak pindaan² yang telah di-buat baru² ini. Jika perlu dan di-kehendaki bagi kepentingan masyarakat, maka tidak-lah shak lagi bahawa pindaan² selanjut-nya akan di-buat.

I do not consider that the amendments to Labour Laws introduced by the Government during October, 1969, have reduced the ability of trade unions in Malaysia to carry out their responsibilities. These amendments are designed to bring about industrial peace—not just industrial peace at any price but industrial peace with justice which will allow employers to manage their affairs or run their places of employment in the best interests of not only themselves and their workers but in the larger interest of the community of which the establishment is a part, while the workers are assured of equitable remuneration and reasonable working conditions even though they are not organised.

However, as a result of representation made by M.T.U.C., considerable amendments have been made recently. If the need arises, and if it is in the interest of the community, there is no doubt that further amendments will be made.

PERGERAKAN KESATUAN SA-KERJA—DASAR KERAJAAN

38. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buroh boleh-kah beliau menghuraikan dasar Kerajaan terhadap pergerakan kesatuan sa-kerja di-Malaysia dan tidak-kah

beliau bersetuju bahawa langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan sejak 1967 tidak ada langsung menolong memperkembangkan kesatuan² sa-kerja yang efektif dan demokratik di-Malaysia.

Tan Sri V. Manickavasagam: Ada-lah menjadi polisi Kerajaan untuk menggalakan pertumbuhan gerakan kesatuan sekerja yang baik, bertanggung-jawab dan demokratik. Perlembagaan menjamin semua warga-negara hak mengambil bahagian. Majikan² dan pekerja² di-benarkan menubuhkan kesatuan sekerja dan ada peruntukan dalam undang² menjaga mereka menjalankan hak² kesatuan sekerja mereka. Kebebasan asas manusia, termasuk kebebasan perkumpulan, kebebasan berchakap dan lain² di-beri kepada kesatuan sekerja. Dalam keadaan tertentu Kerajaan terpaksa menggunakan langkah² sekatan yang melibatkan kesatuan sekerja, tetapi langkah² itu tidak melanggar hak² kesatuan sekerja.

Pada tahun 1967, Kerajaan mengemukakan Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Akta tersebut dalam meneruskan sistem sukarela perhubungan perusahaan yang telah lama di-jalankan, menguatkan amalan dan undang² dalam hubungan ini dengan peruntukan² keselamatan tertentu bagi hak² yang sah dan kepentingan majikan² dan pekerja² dan kesatuan sekerja mereka. Akta itu juga menyediakan langkah² yang lebih berkesan untuk menentukan bukan saja kemajuan dan pengekalan perhubungan perusahaan yang baik, tetapi juga penyelesaian pertikaian perusahaan yang chepat, terator dan adil, agar kepentingan² umum dan negara tidak di-salahsangkan sementara penhak² tersebut memajukan kepentingan² mereka.

Akibah dari rusohan bulan Mei 1969, kepentingan negara yang utama, perpaduan negara dan pembangunan negara menjadi pertimbangan utama dan berikut-nya satu polisi ekonomi yang baru telah di-buat. Dengan pengetahuan ini, pengu²langkajian undang² buroh ada-lah perlu dan ini membawa kepada pembentokan pindaan² Oktober 1969. Pindaan² ini sesuai dengan kepentingan negara dan ada-lah tidak benar menyatakan bahawa pindaan² itu menghang-lang perkembangan kesatuan sekerja yang berkesan dan demokratik.

It is the policy of the Government to encourage the growth of a sound, responsible and democratic trade union movement. The

Constitution guarantees all citizens the right of association. Employers and employees are allowed to form trade unions and there is provision in the legislation to protect them in the exercise of their trade union rights. The fundamental liberties of men, including freedom of assembly, freedom of speech and so forth are granted to trade unions. In certain circumstances the Government has to impose certain restrictive measures affecting trade unions, but they do not in themselves constitute a violation of trade union rights.

In 1967, the Government introduced the Industrial Relations Act, 1967. The Act, while continuing the voluntary system of industrial relations which had long been in operation, consolidated the practice and law in this regard by the provisions of certain safeguards for the legitimate rights and interests of employers and workers and their own trade unions. The Act also provides for more effective steps to ensure not only the promotion and maintenance of sound industrial relations practices but also the expeditious, orderly and just settlement of industrial disputes, so that the ever present public and national interests are not prejudiced while the parties promote their own particular interests.

In the aftermath of the May disturbances in 1969, the imperatives of national interest, national unity and national development became priority considerations and accordingly a new economic policy was formulated. In the light of this, a review of the existing labour laws was necessary and this led to the introduction of the October 1969 amendments. These amendments serve the interests of the nation and there is no justification to say that they retard the growth of effective and democratic trade unions.

KADAR CHARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA²

39. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah beliau sedar bahawa kadar² charum K.W.S.P. sekarang belum pernah di-ulangkaji sejak Kumpulan Wang itu di-tubuhkan dan jika demikian bila-kah beliau berchadang hendak menaikkan kadar charuman majikan seperti yang di-lakukan di-sabuah negara tetangga.

Tuan Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) I am aware that the rates of contribution to the E.P.F. have not been revised since the Fund was first established. The desirability of

revising these rates must be carefully considered and in particular we have to take into account the financial burden on employers in so far as the cost of labour is concerned, and its possible effects on the present policy of promoting industrialisation in general, and labour-intensive industries in particular. The Government is currently looking into the desirability of revising the rates of contributions.

REPUBLIK RA'AYAT CHINA/ REPUBLIK CHINA KEBANGSAAN— DASAR RASMI MALAYSIA

40. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Luar Negeri menerangkan:

- (a) dasar rasmi Malaysia terhadap Republik Ra'ayat China dan Republik China Kebangsaan;
- (b) mengenai penerimaan masuk Republik Ra'ayat China dalam Pertubuhan Bangsa² Bersatu;
- (c) sama ada dasar ini sesuai dengan sikap Malaysia bahawa Republik China Kominis hendak-lah menjamin per-kechualian Asia Tenggara.

Perdana Menteri: Saya telah menjawab pertanyaan (a).

Berkenaan dengan pertanyaan (b), kita berpendapat bahawa People's Republic of China dengan penduduk²-nya yang lebih dari 800 juta itu harus di-benar mengambil bahagian di-dalam forum dunia itu dengan harapan ia-nya akan dapat memainkan peranan yang bertanggungjawab dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia.

Berkenaan dengan pertanyaan (c) saya ingin menerangkan bahawa dasar kita ini sa-laras dengan pendirian kita bahawa ketiga² kuasa terbesar, termasuk People's Republic of China, patut menjamin pengechualian Asia Tenggara.

I have already answered question (a); and as regards question (b), we consider the People's Republic of China with more than 800 million people should be admitted to the world forum in the hope that that Republic would play a responsible part in maintaining peace and security in the world.

As for question (c), I would say that our policy is in consonant with our stand that the

three major powers including the People's Republic of China should guarantee the neutrality of Southeast Asia.

TAHANAN² POLITIK DI-BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

41. Tuan Loh Jee Mee bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(a) berapa-kah orang² politik di-tahan pada masa ini di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;

(b) di-antara orang² tahanan pada masa ini, apa-kah tempoh yang paling lama dikenakan.

Tun Dr Ismail:

(a) Jumlah orang² yang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) pada 31hb Januari, ia-lah 314;

(b) Tempoh yang panjang sa-kali di-kenakan kepada sa-bahagian daripada orang² tahanan yang ada sekarang ini ia-lah enam tahun.

TAHANAN² DI-PULAU JEREJAK

42. Tuan Loh Jee Mee bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(a) berapa-kah orang² di-tahan pada masa ini di-bawah Ordinan Perintah Awam (Simpanan) di-Pulau Jerejak, Penang;

(b) di-antara orang² tahanan pada masa ini, apa tempoh yang paling lama dikenakan.

Tun Dr Ismail:

(a) Tidak ada orang yang di-tahan di-Pulau Jerejak, Pulau Pinang di-bawah Ordinan (Menjaga) Ketenteraman Awam No. 46/58. Jika sekira-nya maksud Ahli Yang Berhormat bertanyakan bilangan orang tahanan di-bawah seksyen 4 (1) Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegah Jenayah) No. 5/69 di-Pulau Jerejak itu, jumlah-nya ia-lah sa-ramai 857 orang.

(b) Tempoh yang panjang sekali di-kenakan di-atas mereka di-tahan di-Pulau Jerejak itu ia-lah selama 2 tahun.

JURURAWAT²—LAYANAN KAPADA PESAKIT²

43. Tuan Loh Jee Mee bertanya kepada Menteri Kesihatan apa langkah², jika ada, beliau telah mengambil terhadap jururawat² yang bersikap kurang ajar kepada orang² awam atau orang² sakit.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

(a) Semua aduan ada-lah di-siasat dan jika di-buktikan benar, tindakan tata tertib di-ambil.

(b) Perkara² saperti Saikoloji, Perhubungan Jururawat/Pesakit, Perhubungan Kakitangan, Perhubungan Awam, Perhubungan Kesusilaan dan Adat Istiadat, dan Penyesuaian Profession ada dimasukkan dalam sukatan pelajaran jururawat pelateh.

(a) All complaints are investigated and, if proven true, disciplinary action is taken.

(b) Subjects like Psychology, Nurse/Patient Relationship, Staff Relationship, Public Relationship, Communication Ethics and Etiquette and Professional Adjustments are included in the training syllabus of student nurses.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² (PENCHEN DAN GANJARAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Rang Undang² suatu Akta bagi membuat Peruntukan berkenaan (Penchen dan Ganjaran) bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PENCHEN TUNKU ABDUL RAHMAN AL-HAJ

Rang Undang² suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan penchen dan keistimewaan² bagi Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj apabila beliau bersara dari jawatan Perdana Menteri di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (SARAAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN

Rang Undang² suatu Akta bagi miminda Ordinan (Saraan) Menteri², 1957, Akta (Saraan Ahli²) Parlimen, 1960, Akta Menteri² Muda, 1960 dan Akta (Saraan) Setiausaha² Parlimen, 1965 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) MAHKAMAH

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964, Ordinan Mahkamah, 1948 dan Kanun² Achara Jenayah bagi Negeri² Melayu Bersekutu dan Negeri² selat di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PERUNTOKAN DI-RAJA

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Peruntokan Di-Raja, 1957 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) MAHKAMAH KE'ADILAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Mahkamah Ke'adilan, 1964, Ordinan Mahkamah, 1948 dan Kanun² Achara Jenayah bagi Negeri² Melayu Bersekutu dan Negeri² Selat di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) LEMBAGA URUSAN DAN TABONG HAJI

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Lembaga Urusan dan Tabong Haji, 1969 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Perdana Menteri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) EKS AIS

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961, di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² EKS AIS (NEGERI TANAH MELAYU, SARAWAK DAN SABAH) (PINDAAN)

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Eksais, 1961 Negeri² Tanah Melayu, Ordinan Eksais Sarawak (Bab 27) dan Ordinan Eksais, 1959 Sabah di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² ZON PERDAGANGAN BEBAS

Rang Undang² suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi menubuhkan zon² perdagangan bebas dalam Persekutuan bagi memajukan kehidupan ekonomi negara dan bagi maksud² yang bersangkutan di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) (CHUKAI PENDAPATAN) PETROLIAM

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta (Chukai Pendapatan) Petroliaam, 1967 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) CHUKAI PENDAPATAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Chukai Pendapatan, 1967 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) ACHARA KEWANGAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Achara Kewangan, 1957 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN

Rang Undang² suatu Akta bagi memberikuasa wang sa-banyak satu ribu juta ringgit di-dapatkan sa-bagai pinjaman bagi maksud Kumpulan Pinjaman Perumahan bagi Persekutuan dan bagi membuat peruntukan berhubung dengan achara kewangan mengenai Kumpulanwang Pinjaman Perumahan bagi Persekutuan dan Negeri² di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) INSURAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Insuran, 1963 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) BIL PERTUKARAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Bil Pertukaran, 1949 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² UMOR DEWASA

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang² berhubung dengan umur dewasa di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pertahanan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PEMEGANG AMANAH

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Pemegang Amanah, 1949 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pertahanan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PENYEMAKAN UNDANG²

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Penyemakan Undang², 1968 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pertahanan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PERUNTOKAN² KHAS) SAMAN DAN WARAN

Rang Undang² suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi perkiraan berbalas²an berkenaan penyampaian saman, sapina dan waran² tertentu antara Malaysia dengan Singapura dan beberapa negeri lain di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pertahanan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² BANTUAN GUAMAN

Rang Undang² suatu Akta bagi membuat peruntokan² bagi memberi bantuan guaman kepada orang² tertentu dan bagi perkara² yang berkaitan dengan-nya di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pertahanan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PERWARISAN (PERUNTOKAN KELUARGA)

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda undang² berhubung dengan pemindahan harta pesaka simati dan bagi maksud² lain yang berkenaan dengan-nya di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Pertahanan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) KESALAHAN² KECIL

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Kesalahan² Kecil, 1955 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) POLIS

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Polis, 1967 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² EJENSI PERSENDIRIAN

Rang Undang² suatu Akta bagi mengawal urusan ejensi persendirian di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PUNGUTAN KA-RUMAH DAN DI-JALAN (PINDAAN)

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Pungutan Rumah Ka-rumah dan Di-jalan, 1947 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² UNIVERSITI² DAN KOLEJ² UNIVERSITI

Rang Undang² suatu Akta untuk membuat peruntukan² bagi menubuh, menyenggara dan mentadbirkan Universiti² dan Kolej² Universiti dan bagi lain² perkara yang berkenaan dengannya di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pelajaran; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1959 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pelajaran; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PELAJARAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Pelajaran, 1961 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pelajaran; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pertanian dan Tanah; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) SHARIKAT

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Sharikat, 1965 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (LARANGAN) KUMPULAN² WANG KOOTTU

Rang Undang² suatu Akta untuk melarang pendaftaran atau pelesenan perniagaan² yang menganjor atau di-maksud untuk menganjor wang kutu dan pendaftaran sharikat² yang tujuan-nya atau salah satu tujuan-nya ia-lah untuk menganjor ranchangan² atau perkiraan² yang di-kenali dengan berbagai² nama seperti *kutu*, *cheetu*, *chit fund*, *hwei*, *tontine* atau sa-bagai-nya dan juga untuk menjadikan sa-bagai bersalahan di-sisi undang² bagi sa-siap menjalankan perniagaan menganjor ranchangan² atau perkiraan² tersebut dan untuk membuat peruntukan bagi perkara²

bersampingan dengan-nya di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perusahaan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) KERETAPI

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Keretapi, 1948 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pengangkutan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) LALU LINTAS JALAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalu-Lintas Jalan, 1958 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Pengangkutan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² MAJLIS SOKAN NEGARA MALAYSIA

Rang Undang² suatu Akta bagi menubuhkan Majlis Sokan Negara Malaysia dan bagi membuat peruntokan² yang berhubung dengan-nya di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sokan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) LEMBAGA BANDARAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Enakmen Lembaga Bandaran Negeri² Melayu Bersekutu sa-takat mana ia-nya di-pakai bagi Perbandaran Ibu Kota, Kuala Lumpur di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² (PINDAAN) PILEHAN RAYA KERAJAAN TEMPATAN

Rang Undang² suatu Akta bagi meminda Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, 1960 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Menteri

Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

USUL²

ATORAN URUSAN MESHUARAT

Menteri Muda Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan :

Menurut peruntokan Peratoran Majlis Meshuarat 14 (2) sa-baik² sahaja selesai pertimbangan atas Usul Bilangan 6 dalam Atoran Meshuarat untuk hari ini, Dewan akan terus menimbang Usul Bilangan 12 dalam Atoran Urusan Meshuarat.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Menurut peruntokan Peratoran Majlis Meshuarat 14 (2) sa-baik² sahaja selesai pertimbangan atas Usul Bilangan 6 dalam Atoran Meshuarat untuk hari ini, Dewan akan terus menimbang Usul Bilangan 12 dalam Atoran Urusan Meshuarat.

JALAN² MASOK KA-PARLIMEN

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan :

Bahawa Majlis ini memerentahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-lama penggal Dewan Ra'ayat yang ada sekarang ini, jalan² melalui lorong² menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh di-lalui, dan jangan ada apa² halangan menggalang Ahli² hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa² kachau-bilau di-jalan² menuju arah ka-Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendak-lah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail): Saya bangun menyokong usul ini, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini memerentahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, sa-lama penggal Dewan Ra'ayat yang ada sekarang ini, jalan² melalui lorong² menuju ka-Dewan ini hendak-lah sentiasa terbuka dan boleh di-lalui, dan jangan ada apa² halangan menggalang Ahli² hendak pergi dan balek dari Dewan ini, jangan berlaku apa² kachau-bilau di-jalan² menuju arah ka-Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di-Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendak-lah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

TIMBALAN YANG DI-PERTUA— PERLANTEKAN

Perdana Menteri: Sa-telah di-fikirkan mustahak untuk menolong Tuan Yang di-Pertua, menjalankan tugas²-nya, di-lantek sa-orang Timbalan Yang di-Pertua. Oleh itu saya menhadangkan :

Bahawa Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmad Kamil di-pilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmad Kamil di-pilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan ini.

JAWATANKUASA KIRA² WANG NEGARA—LANTEKAN PENERUSI

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa Yang Berhormat Tuan Hanafiah bin Hussain di-lantek sa-bagai Penerusi Jawatankuasa Kira² Wang Negara.

Peratoran Meshuarat Bil. 77 menghendaki bahawa sa-buah Jawatankuasa Kira² Wang Negara hendak-lah di-tubuhkan pada permulaan tiap² persidangan Parlimen dan Penerusi bagi Jawatankuasa itu mesti-lah di-lantek. Jawatankuasa Pemilih akan menamakan ahli² Jawatankuasa yang lain itu.

Enche' Hanafiah bin Hussain ada-lah sa-orang Ahli Dewan ini. Beliau telah berkhid-

mat dengan Kerajaan sa-bagai Penerusi Pertama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, dan ini bukan-lah satu tugas yang mudah. Sa-bagai sa-orang "chartered accountant" beliau sa-memang-nya sesuai memegang jawatan ini. Sa-sungguh-nya, beliau telah berkhidmat sa-bagai Penerusi Jawatankuasa Kira² Wang Negara bagi satu tempoh dalam tahun 1964.

Kejayaan-nya dalam lapangan awam dan pengalaman-nya dalam lapangan "profession"-nya yang ada kena-mengena dengan tugas yang akan di-jalankan oleh Jawatankuasa Kira² Wang Negara itu, tentu-lah akan menolong Jawatankuasa itu menjalankan tugas-nya dengan memuaskan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tuan Hanafiah bin Hussain di-lantek jadi Penerusi Jawatankuasa Kira² Wang Negara bagi Penggal Yang Pertama.

JAWATANKUASA PEMILIH— PERLANTEKAN AHLI²

Tun Dr Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menhadangkan—Bahawa Ahli² yang berikut :

1. Y.A.B. Tun (Dr) Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman,
2. Y.A.B. Tun Tan Siew Sin,
3. Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam,
4. Y.B. Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi,
5. Y.B. Dr Chen Man Hin,
6. Y.B. Dato' Haji Mohd. Asri bin Haji Muda,

hendak-lah menjadi Ahli² Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Yang Pertama.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Ahli² yang berikut :

1. Y.A.B. Tun (Dr) Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman,
2. Y.A.B. Tun Tan Siew Sin,
3. Y.B. Tan Sri V. Manickavasagam,
4. Y.B. Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi,
5. Y.B. Dr Chen Man Hin,
6. Y.B. Dato' Haji Mohd. Asri bin Haji Muda,

hendak-lah menjadi Ahli² Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Yang Pertama.

UCHAPAN TAHNIAH KAPADA D.Y.M.M. ATAS PERLANTEKAN- NYA—IKRAR TA'AT SETIA

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat sukachita dan bangga-nya mengemukakan Usul ini bagi pehak Kerajaan dan bagi pehak Dewan ini ia-itu :

Bahawa suatu Uchapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni al-Marhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertuan Agong—

Mempersembahkan suatu ucapan tahniah kepada Kebawah Duli atas lantekan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong:

Melafadzkan ikrar ta'at setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan lantekan Baginda itu Malaysia akan menempoh zaman yang bertambah² ma'amor, aman sentosa sa-lama²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat Malaysia seluroh-nya telah merayakan dengan penoh kegembiraan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah sa-bagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelima. Negara sungguh bertuah menyambut Seri Paduka Baginda Tuanku bersemayam di-atas Takhta Kerajaan Malaysia sa-bagai teras negara dan lambang perpaduan ra'ayat sa-orang Raja yang mempunyai sifat² serta pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran.

Sa-lepas menyambut pertabalan Seri Paduka Baginda kita telah mengadakan Persidangan Parlimen dan Seri Paduka

Baginda telah berkenan Bertitah kapada Parlimen. Kedua² peristiwa ini ada-lah menjadi detik sejarah dan pada fikiran saya payah hendak di-dapati ia-itu kembali-nya negara kita kapada pemerintahan berparlimen sempena dengan hari pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya berharap kedua² peristiwa yang bersejarah ini akan membawa negara kita yang di-kasehi Malaysia ini ka-zaman yang aman, maju dan gilang-gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, kita di-Malaysia sekarang sedang menumpukan usaha dan tenaga untuk membena sa-buah masyarakat yang adil, progressive, ma'amor dan bersatu-padu dan Seri Paduka Baginda ada-lah menjadi tumpuan ta'at setia seluroh warga-negara dari berbagai keturunan dan ugama dan simbol yang melambangkan perpaduan Malaysia ia-itu sa-buah negara yang mengamalkan pemerintahan beraja sa-chara demokrasi berparlimen. Oleh yang demikian Duli Yang Maha Mulia ini sa-bagai pemegang amanah ra'ayat dengan perasaan yang penoh khusus dan tawadzik mempersembahkan ucapan tahniah sa-tinggi²-nya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-atas lantekan Baginda sa-bagai Yang di-Pertuan Agong dan menyebarkan ikrar ta'at setia dengan sa-penoh²-nya kapada Seri Paduka Baginda di-sertai dengan keyakinan yang penoh bahawa dengan izin Tuhan dalam pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa lima tahun yang akan datang Malaysia akan terus maju, menjadi sa-buah negara yang aman, ma'amor dan bersatu-padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, Tuan, ada-lah satu kehormatan dan kemuliaan bagi saya menyokong usul yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhor-mat Perdana Menteri.

Perayaan² dan peristiwa² yang berlaku baharu² ini patut-lah meyakinkan Seri Paduka Baginda bahawa Seri Paduka Baginda bukan sahaja mendapat ta'at setia dari Dewan ini bahkan juga ta'at setia dari seluroh ra'ayat di-negeri kita yang indah ini. Jika saya boleh berkata, Seri Paduka Baginda memegang jawatan yang paling tinggi ini dalam usia muda tetapi bukan-lah muda dalam kebijaksanaan. Oleh yang

demikian, Seri Paduka Baginda amat sesuai untuk memenuhi keperluan negara yang muda ini, yang kebanyakan ra'ayat-nya pun ada-lah muda² juga. Seri Paduka Baginda kaya dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan dan oleh kerana itu, kita ada-lah di-berkati dengan sa-orang Raja yang bukan sahaja muda usia-nya tetapi berbakat, sa-orang Raja yang juga boleh bergaul dengan ra'ayat jelata. Saya boleh-lah berkata dari sedikit pengalaman saya berhubung dengan perkara ini, ia-itu saya telah melihat Seri Paduka Baginda berjenaka dengan kita seperti manusia biasa yang lain².

Kerajaan kita juga ada-lah Kerajaan baharu yang di-pimpin oleh orang muda yang "dedicated". Saya tidak-lah tahu sama ada Perdana Menteri kita ini menganggap diri-nya muda atau tua, tetapi saya rasa bila beliau menchapai umur seperti saya sekarang, beliau akan sedar bahawa beliau maseh muda bila beliau menjadi Perdana Menteri. Kami, yang dapat kehormatan dan kemuliaan berada di-dalam pasokan-nya, ingin berjanji kepada Seri Paduka Baginda bahawa kami akan berusaha dengan kenangan sa-daya upaya untuk menjadikan pemerintahan Seri Paduka Baginda penuh dengan dan yang akan melihat Negara Malaysia menchapai kemajuan yang lebih tinggi lagi, sa-buah negara di-mana kejayaan² sa-timbal dengan janji, dan sa-buah negara yang mempunyai harapan dan kejayaan.

Tuan, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa suatu Uchapan yang tidak seperti-nya di-persembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah, Yang di-Pertua Agong—

Mempersembahkan suatu ucapan tahniah kepada Kebawah Duli atas lantekan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong;

Melafadzkan ikrar ta'at setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan lantekan Baginda itu Malaysia akan menempoh zaman yang bertambah² ma'amor, aman sentosa sa-lama²-nya.

YANG TERAMAT MULIA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ— MERAKAMKAN PERASAAN PENG- HORMATAN DAN PENGHARGAAN

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan perasaan penghormatan dan penghargaan yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj di-atas perkhidmatan-nya yang chemerlang dan pengorbanan-nya untuk Negara dan ra'ayat Malaysia sa-hingga dengan pimpinan-nya yang bijaksana kemerdekaan Negara dan kemajuan yang gilang-gemilang dalam beberapa lapangan telah di-chapai, dan melahirkan harapan dan do'a moga² Yang Teramat Mulia Tunku akan terus menekmati kesentosaan hidup dalam usia yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa yakin dan perchaya bahawa Ahli² Yang Berhormat sakalian dapat memahami tujuan² di-sebalek usul yang saya kemukakan dalam Dewan ini. Saya juga merasa yakin dan perchaya bahawa seluruh Ahli² Yang Berhormat sama ada dari pihak Kerajaan atau pun dari pihak Pembangkang akan menerima usul ini dan memberi persetujuan dengan hati yang jujur dan ikhlas. Memang-lah tidak perlu bagi saya memberi ucapan yang panjang lebar untuk menerangkan jasa² Tunku kepada bangsa dan negara dari semenjak beliau mencheborkan diri-nya dalam gelanggang politik bagi menebuskan hak² kedaulatan bangsa kita yang telah di-perhambakan oleh penjajah berkurun² lama-nya.

Malaysia telah bertuah mendapat sa-orang anak watan yang telah menjadi penganjur dan pemimpin yang mempunyai sifat² sa-orang Ketua yang ikhlas, jujur dan bijaksana. Tunku telah munchul di-sa'at yang penting dalam sejarah perjuangan bangsa kita. Semangat perjuangan yang di-tunjokkan oleh Tunku telah dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan di-segenap lapangan ra'ayat jelata dan mereka telah memberikan sokongan dan berjuang bersama² Tunku sa-hingga terchapai azam dan chita² mereka hendak menjadikan satu bangsa yang dudok sama rendah, berdiri sama tinggi dengan mana² juga bangsa dalam dunia ini. Kemashoran nama Tunku bukan sahaja di-negara kita ini bahkan telah di-sebar di-seluruh penjuru alam. Hal ini telah terbukti dengan jelas-nya di-satengah² negara asing di-mana terdapat ra'ayat-nya lebih dahulu mengenali nama Tunku dari nama negara Malaya atau pun Malaysia.

Tunku telah menunjukkan kebijaksanaan dan kehandalan beliau dalam memainkan peranan-nya di-gelanggang politik di-antara-bangsa dengan timbul dan menarek pandangan dunia pada sa-suatu masaalah yang besar yang mesti di-hadapi bersama oleh seluruh Kerajaan di-negara² di-dunia ini. Salah satu dari kejayaan Tunku ia-lah tindakan yang keras dan tegas oleh beliau dalam perkara apartheid. Langkah yang di-peluporkan oleh Tunku itu telah di-sambut dengan hangat oleh negara² lain sa-hingga menyebabkan Afrika Selatan telah di-pechat daripada menjadi anggota negara² Commonwealth. Sa-telah persoalan ini di-bawa ka-dalam Bangsa² Bersatu negara Afrika Selatan telah di-kecham dan di-kutok oleh semua negara² yang berpegang kapada hak² asasi manusia.

Tunku juga-lah pemimpin Islam yang telah menchetuskan idea supaya di-adakan Pertubohan Negara² Islam bagi menjaga kepentingan negara² dan umat Islam. Chandangan Tunku itu sungguh pun telah memakan masa yang panjang untuk menjadi kenyataan telah pun dapat di-laksanakan dengan tertuboh-nya Secretariat Islam baharu² ini. Saya juga suka mengambil kesempatan ini untuk menguchapkan tahniah kapada Tunku bukan sahaja di-atas kejayaan chita²-nya itu bahkan juga di-atas lantekan beliau menjadi Setiausaha Agong yang pertama kapada Secretariat itu.

Rengkas-nya Tunku telah memainkan peranan beliau sa-bagai sa-orang negarawan di-antarabangsa dan memperkenalkan Malaysia ka-seluruh dunia dan mengharumkan nama negara kita sa-kali pun ia-nya sa-buah negara yang kecil. Dengan kejayaan Tunku memainkan politik di-antarabangsa dengan chara yang bijak itu, Malaysia telah menjadi sa-buah negara yang berkesan yang di-hormati di-kalangan bangsa² di-dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya Ahli² Pembangkang juga bersetuju dengan saya jika saya menyatakan bahawa Tunku-lah sa-orang pemimpin yang di-segani dan di-hormati oleh kawan dan lawan. Sa-lama 15 tahun Tunku menjadi ketua Kerajaan, dua tahun sebagai Ketua Menteri dan 13 tahun sebagai Perdana Menteri, beliau berpegang kuat kapada dasar bahawa perkara yang utama sa-kali yang mesti di-pelihara ia-lah keamanan, ketenteraman

dan kema'amoran bangsa dan negara. Jika kita semua perhatikan dengan teliti boleh di-katakan apa yang di-chita²kan oleh Tunku itu telah dapat di-laksanakan. Memang-lah tidak ada siapa pun dalam dunia ini yang boleh menchapaikan segala tujuan-nya dan kehendak² itu dengan sa-penoh²-nya. Sa-balek-nya tidak siapa pun dapat menafikan kejayaan yang telah di-chapai oleh Kerajaan di-bawah pimpinan Tunku untuk kepentingan bangsa dan negara kita. Dalam menjalankan tugas² beliau sebagai Ketua Kerajaan Tunku sentiasa-lah berlaku adil dan saksama kapada semua pihak dan telah dapat menawan hati sa-bilangan besar ra'ayat jelata yang terdiri dari berbagai kaum dan ugama. Sunggoh pun beliau sentiasa memperjuangkan ketinggian shi'ar Islam sesuai dengan Perlembagaan yang meletakkan ugama Islam sebagai ugama rasmi di-negara ini, tetapi Tunku tidak pernah melakukan sa-suatu yang boleh saya ertikan sebagai menyekat atau pun menghalang perjalanan ugama² lain di-negara ini.

Saya sendiri mengenali Tunku dari semajak berpuluh² tahun yang lepas, ia-itu semasa kami bersama² belajar di-England dan sama² berjuang dalam pertubohan penuntut² di-sana. Saya mengenali beliau dengan mendalam dan dapat memahami sifat² dan chara² pemikiran Tunku. Dengan sebab itu, saya merasa bertuah kerana dapat berjuang bersama² dengan beliau dan oleh sebab dapat mengerti dan memahami antara satu sama lain dapat-lah menjalankan tugas² dengan mudah sa-masa saya menjadi Timbalan Perdana Menteri. Saya suka mengambil peluang ini untuk menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kapada Tunku di-atas keperchayaan dan keikhlasan dan keyakinan beliau terhadap saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya hendak mencheritakan satu persatu jasa² Tunku kapada bangsa dan negara khas-nya dan kapada seluruh dunia am-nya, maka tentu-lah akan mengambil masa yang panjang. Kerajaan yang ada sekarang ini di-bawah pimpinan saya telah mewarithi susunan² kerja yang

telah di-tinggalkan oleh Tunku. Di-atas asas yang tegoh ini-lah saya dan rakan² saya dalam Kerajaan akan menjalankan tugas masing² untuk kepentingan bangsa dan negara dan untuk membawa negara kita kapada masa yang lebeh kukoh dan lebeh chemerlang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mari-lah kita semua mendo'akan moga² Allah lanjutkan usia Tunku dan moga² beliau sentiasa mendapat rahmat dan kebahagiaan hidup buat salama²-nya.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is my privilege and honour to second this motion.

This is one of the very few occasions in this House when all parties can agree on the motion before us. At least, I hope that this is the case.

It is indeed fitting, Sir, that one of the first acts of the new Parliament is to express our heartfelt thanks and gratitude to the father of our nation, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Those among us who only knew him at the height of his glory and power, perhaps, did not realise that he sacrificed and endured much in the early years of his political struggle. They probably did not know that the Tunku was a wealthy man when he first went into politics, but long before he became the first Chief Minister of the then Federation of Malaya in 1955, he had lost practically all his wealth. He lost it not because he spent it on himself, but because he sold off most of his properties in order to finance the political activities and the activities of UMNO.

Very few know that when he went to London in 1954 to plead the case for the Federation's independence, he had to share hotel rooms and ship cabins with his colleagues because they could not afford to have separate rooms or cabins. Indeed, he had to scrounge around and try to save even a few dollars here and there in order to get by, because the Alliance then was so desperately short of money. Even the MCA was short of funds, because when it decided to join UMNO to fight for independence, the first response of the then colonial Government was to stop our lottery. These things are a part of our history and it is fitting that we should remember them now and again.

It is for history to give its verdict on the contribution which the Tunku made to his beloved country, but I venture to predict that the verdict of posterity will be overwhelmingly in his favour. Like all human beings, he made a few mistakes now and then, but those mistakes pale into insignificance when compared to his towering achievements and one of them was holding together the most complex and complicated multi-racial society in history during the first crucial years of its existence with a skill and finesse which, again, must have few parallels in history. Like all human beings, too, he had his shortcomings, but even those shortcomings made him even more lovable. Some leaders are respected but not loved. Others attract more love than respect. Not many great leaders of men can command both respect and affection in the measure which the Tunku commanded.

For the moment, it is sufficient to say that he gave of his best to his country. He could not have given more. Let us in return, while he is still with us, do what we can to assure him that in the evening of his years we have not forgotten him and would like, by word and by deed, to return in some small measure what he has done for his country and his people.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) On behalf of the Democratic Action Party, I would like to speak in support of the motion. Whatever our many differences may be with the Tunku and his administration during these last 14 years, we shall remember with affection his very warm and easy personality which went a long way in smoothing out the raw differences among the races that make up our multi-racial society. I have no doubt, Sir, that the whole country will always remember him as "Bapa Merdeka" and "Bapa Malaysia" and history will amply record his achievements as such. Though we strongly disagree with his horribly one-sided account of the May 13th riots, we are nevertheless grateful for his efforts in bringing the country back to Parliamentary democracy which he promised to do before he retires and done it he has.

I myself, Sir, have two personal reasons to add on to this Tribute which my Party, the D.A.P., wants to pay the Tunku. Firstly, as a fellow Kedah man, I am proud that my home State has produced Malaysia's first and outstanding Prime Minister. Secondly, my being here today as a Member of Parliament is also

partly due to the Tunku who in one of his trips to Australia got hold of me and told me to give up my job as a lecturer in Melbourne and come home—though a non-Malay—to design the new palace for His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and serve the country. I have done just that, though today I and my colleagues are on the opposite side of the House from him. That I think is a higher act of patriotism than to be merely on the same side. Be that as it may, my colleagues and I wish him long life and great happiness in his future work, and may his successor, our new Prime Minister, achieve an equally illustrious term of office. Thank you, Sir. (*Tepok*).

Dato' K. M. James Wong (Miri-Subis): Mr Speaker, Sir, speaking on behalf of my colleagues and the Sarawak National Party from East Malaysia, which is the only lone Opposition at the moment from East Malaysia, I would like to say here, Sir, and put on record that we completely associate ourselves with the sentiments which have been expressed by both the Honourable the Prime Minister and the Honourable the Finance Minister. Without the Honourable Tunku Abdul Rahman we would not have Malaysia today, Sir, and I would not be standing now speaking in this House. I possibly, in this instance, could associate myself with the Honourable Member who has just spoken that we both owe to the Tunku our presence on this side of the House today!

Be that as it may, Sir, I have known Tunku Abdul Rahman before. We had worked together and I was privileged when I was a Minister, at the height of the Confrontation, and it was a real pleasure to have worked with him then in fighting the Confrontation. Today we are rather sorry to see that he is no more a Minister, but we are happy to see that he is in good health, that he is well and that he is going on to do a bigger job, which I believe has been one of his greatest desires to do; and in this we wish him all happiness and also to the ex-Prime Minister's wife and all his family. We wish him a happy retirement.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, on behalf of the Gerakan, we associate ourselves with the sentiments expressed by both sides of this House. Sir, though I and other colleagues of mine do have large areas of disagreement on the policies of the ex-Prime Minister, we

have always regarded him as a man who is more humane than many Prime Ministers who have emerged in the developing countries of Asia and Africa who have become ruthless and merciless dictators. The ex-Prime Minister had the courage, the wisdom, the vision and the awareness that only a multi-racial society with all the three major races can survive as a nation and not only he expressed these at the tip of his tongue but he felt these at the depth of his heart. And for this not only this House but also the people of this country and the entire nation will store him dear to their hearts and remember him as the Prime Minister who has brought closer the various communities together. Mr Speaker, Sir, we from this side of the House completely express our gratitude and thanks to the service and contribution the ex-Prime Minister has made to the development and advancement of our infant nation. As I said earlier, we have disagreements and will continue to disagree, but we respect him as a man who has the heart of a genuine human being than many ruthless dictators who have emerged in the newly emerging Asian and African countries. Thank you, Sir.

Dato' S. P. Seenivasagam (Menglembu): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am indeed very glad to be able to speak today and to associate myself with what has been said about the Tunku. The People's Progressive Party has been one of the bitterest critics of certain aspects of the policies subscribed to by the Tunku, but this has never blinded us to the magnificent qualities which had won for him, personally, the respect and indeed the affection of the people of all races in Malaysia. Foremost among his qualities, Mr Speaker, Sir, was the spirit of deep and abiding tolerance which seemed to pervade him in everything that he did.

We know, like all human beings, he has had his flashes of temper, his flashes of anger, but in due time, it would all cool down and his judgment was never tainted by revenge or vengeance. A soft spoken, kind and typical gentleman, the Tunku has our sincere wishes for a very long life filled with happiness.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak diri saya dan bagi pihak Parti kami, Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu ikut sama mengucapkan selamat bersara

kapada Yang Teramat Mulia Tunku yang mana dalam beberapa belas tahun yang lampau beliau telah memberikan khidmatan kapada negara kita ini. Sunggoh pun dalam masa 10 tahun lebih atau 12 tahun sampai sekarang ini kerap kedatangan pertentangan², perdebatan² yang hangat antara pihak kami di-sini dengan pihak Yang Teramat Mulia Tunku sendiri, akan tetapi dengan sifat² Tunku yang kadang² lucu dan bagitu sederhana kepanasan udara dalam Dewan ini dapat di-sejukkan kembali.

Saya kagum, Tuan Yang di-Pertua, dengan keadaan umur-nya yang sudah lanjut perasaan dan sifat beliau begitu simpati dan keazaman beliau bagitu yakin dalam menghadapi chita² yang beliau tagang dan lembaga sendiri bersama² dengan parti-nya. Sunggoh pun di-antara dasar² yang di-chadangkan oleh Yang Teramat Mulia itu pada masa² yang lampau banyak mendapat tentangan dan mungkin tentangan itu timbul daripada pihak kami sendiri terutama sa-kali mengenai soal² perlaksanaan dasar dan sa-bagai-nya, tetapi itu tidak-lah mengurangkan perasaan penghargaan pihak kami di-sini terhadap semangat beliau yang maseh utuh dan maseh kuat itu dalam menyampaikan, atau melaksanakan chita² yang di-anuti-nya.

Saya berdo'a mudahan² beliau di-lanjutkan usia. Walau pun beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri, khidmat beliau untuk Negara ini tetap akan berterusan² pada masa yang akan datang dan mudahan² pengganti beliau yang maseh muda ini akan dapat menambahkan khidmat yang lebih lagi bagi kebahagiaan negara kita pada masa yang akan datang. (*Tepok*).

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): (*Dengan izin*) It is hard to assess the height of a mountain when you are standing at its feet. To assess a personality like the Tunku is virtually impossible, living as we are as his contemporaries.

I have had occasion, Sir, to have known him now for fifteen years and throughout this period my feeling has been one that as the years go by affection and respect for him grows. I was with him, Sir, on the 13th of May and I was the only Minister at that time between 6.30 and 7.30 p.m., when Kuala Lumpur started to go up in flames, and I remember well the manner in which he took this. For him it was a personal defeat, for his greatest ambition all his life had been to

build this country, multi-racial country, as a nation and for this he spared no efforts. I feel, Sir, that the greatest tribute this House and this nation can give to Tunku, whom I call "Bapa Negara" not just "Bapa Malaysia", the greatest tribute we can give him is for all of us in this House to remember to follow the ambition he had set himself, to throw away from ourselves whatever little prejudices we have—racial, religious or lingual—and to work unitedly towards the future of this nation. On this occasion, let us not forget that what the Tunku is, has to a large extent also been contributed to, by a very silent, dedicated and simple person who stands by his side all the time—I refer to Tun Sharifah Rodziah. She has been there beside him all these very important years. Let us pray to God that she should continue to be with him and he with her for a long, long time. Thank you.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di-sini untuk mengucapkan selamat kapada Tunku yang telah menjadi Perdana Menteri di-negara kita sejak pilehanraya yang pertama sa-bagai Ketua Menteri dan sa-lepas itu sa-bagai Perdana Menteri sa-hingga baharu² ini-lah baharu beliau tamat perkhidmatannya dengan sukarela-nya sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa Tunku ada-lah berjaya dalam hidup-nya, ia-itu beliau telah sanggup dan telah sempurna menjalankan tugas-nya sa-bagai ra'ayat negara kita Malaysia ini dengan memimpin kita ka-arrah paduan negara dan ka-arrah keselamatan dalam negara kita ini.

Sa-bagaimana yang selalu kita ketahui bahawa PAS sedikit sa-banyak ada menyatakan tidak puas hati tentang pimpinan² Tunku di-masa yang lalu, tetapi itu tidak-lah bererti bahawa Tunku tidak boleh di-anggap pemimpin dalam negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, kita menganggap bahawa Tunku ada-lah lambang demokrasi dalam negara kita, kerana Tunku sebagaimana kita telah tahu sanggup dudok sa-bagai Ketua dan pemimpin dalam negara kita ini dan dengan hormat-nya beliau sanggup mengundorkan diri daripada memimpin negara ini ketika negara menghendakkan tenaga² yang lebih muda dan lebih chekap untuk memimpin negara kita yang akan menghadapi pembangunan²

dan kehendak² masharakat yang bertambah banyak di-masa yang akan datang.

Jadi, pada akhir-nya saya mengucapkan selamat berpisah kepada bekas Perdana Menteri kita ini sa-bagai lambang demokrasi di-negara kita Malaysia ini. Terima kaseh.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk merakamkan perasaan penghormatan dan penghargaan yang sa-tinggi²-nya kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di-atas perkhidmatan-nya yang chemerlang dan pengorbanan-nya untuk Negara dan ra'ayat Malaysia sa-hingga dengan pimpinan-nya yang bijaksana kemerdekaan Negara dan kema-juan yang gilang gemilang dalam beberapa lapangan telah terchapai; dan melahirkan harapan dan do'a moga² Yang Teramat Mulia Tunku akan terus menekmati kesentosaan hidup di-dalam usia yang berpanjangan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tem-puhkan sa-lama 10 minit.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 4.40 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*).

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA, 1951

(Meminda Jadual Pertama, P.U. (A) 289/70)

Menteri Muda Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengemukakan satu usul ia-itu:

Menurut peruntukan sekshen 22(2) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa perintah yang telah di-buat oleh Menteri Kewangan di-bawah sekshen 22 Undang² itu, meminda Jadual Pertama, P.U. (A) 289/70 (di-bentangkan di-Dewan Ra'ayat sa-bagai Kertas Statute No. ST. 6/71), itu dengan ini di-luluskan dan di-anggap telah mula berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb Disember, 1970.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum di-keluarkan Perintah ini, mereka yang bergaji lebeh daripada \$500 sa-bulan telah tidak di-kehendaki mencharum kepada Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja, mengikut perenggan 2 di-Jadual Pertama Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951.

Satu pindaan kapada Jadual ini telah di-kehendakki dengan tujuan supaya jaminan yang di-beri oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja meliputi semua pekerja bergaji yang dengan ini tidak akan di tegah daripada mene'mati faedah² Kumpulan Wang, semata² oleh kerana pendapatan mereka melebehi satu angka yang tertentu. Ini akan memberi ke-baikan kapada semua pekerja, di-samping membanyakkan lagi pendapatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sa-bagai satu pun-cha modal bagi ranchangan² Kerajaan. Sa-belum pindaan ini, kadar charum ia-lah 5% daripada gaji bulanan, charuman yang tertinggi had-nya (maximum) ia-lah \$25 sa-bulan. Pembatalan had \$500 ini ada-lah berma'ana bahawa charum yang tinggi (maxi-mum) boleh-lah melebehi \$25 sa-bulan.

Dengan hal yang demikian, satu pindaan kapada Jadual Pertama telah di-buat melalui satu Perintah, menurut peruntukan sekshen 22(1) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951. Ini telah di-ishti-harkan sa-bagai P.U. (A) 289/70 pada 13hb Ogos, 1970 di-dalam Warta Kerajaan. Perintah ini telah berjalan kuat-kuasa-nya mulai daripada 1hb Disember, 1970 sa-bagai-mana P.U. (A) 295/70 bertarikh 20hb Ogos, 1970 yang telah di-buat oleh Pengarah Gerakan di-bawah sekshen 2, Ordinan Kuasa² Perlu Dharurat, Ordinan 6, 1969.

Sekshen 22 (2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, memperuntukkan, ia-itu apa² pindaan oleh Menteri Kewangan di-bawah sekshen 22 (1) Ordinan itu ada-lah di-kehendaki di-bentangkan di-dalam Dewan Ra'ayat ini. Pindaan² ini di-bentangkan di-Dewan ini sa-bagai Kertas Statute No ST. 6/71.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berchakap sadikit sa-banyak tentang usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi waktu saya bacha, mengapa tidak bangun berchakap—sa-belum dia kata sokong tadi. Jaga-lah sadikit! Sekarang sudah lewat!

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah sekarang saya berchakap sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Macham mana, ulang balek sa-kali lagi menghabiskan masa. Jangan panjang², pendek boleh!

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak berchakap sedikit tentang usul yang di-bentangkan oleh Menteri Muda Kewangan. Beliau berkata tadi Kerajaan sekarang tidak hendak menghadkan charum pekerja-nya yang gaji-nya boleh di-bayar kepada Employee's Provident Fund, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, ada-kah Kerajaan menerima permohonan daripada M.T.U.C. untuk menaikkan charum atau contribution daripada pekerja² dan majikan juga? Jika ada, apa-kah tindakan Kerajaan akan ambil tentang permohonan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Ada siapa² lagi yang hendak berchakap?

Tidak ada (*kapada Menteri Muda Kewangan*), Sila jawab.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, permohonan itu akan di-timbangkan jika ada shor daripada pihak yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Menurut peruntukan seksyen 22 (2) Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa perentah yang di-buat oleh Menteri Kewangan di-bawah seksyen 22 Undang² itu, meminda Jadual Pertama, P.U. (A) 289/70 (di-bentangkan di-Dewan Ra'ayat sa-bagai Kertas Undang² No. ST. 6/71), ada-lah dengan ini di-luluskan dan hendak-lah di-sifatkan mula berkuatkuasa pada 1hb Disember, 1970.

AKTA CHUKAI PENDAPATAN, 1967

(Pindaan kapada Jadual 6)

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa:

Menurut peruntukan seksyen 127 (2) Akta Chukai Pendapatan, 1967, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa perenggan baharu 1A saperti berikut di-masokkan ka-dalam Bahagian I, Jadual

6 kapada Akta itu dan akan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1971 dan tahun taksiran yang berikut kemudian-nya—

"1A. The official emoluments of the Consort of a Ruler of a State having the title of Raja Perempuan, Sultanah or Tengku Ampuan."

Tuan Yang di-Pertua, perenggan 1 dalam Bahagian I, Jadual 6 kapada Akta Chukai Pendapatan, 1967 mengechualikan daripada chukai pendapatan gaji rasmi bagi sa-orang Raja Pemerintah atau Ketua Pemerintah yang di-beri pengertian ia-ini definition dalam seksyen 76 (3) sa-bagai—

- (a) Yang di-Pertuan Agong; atau
- (b) Raja Permaisuri Agong; atau
- (c) Timbalan Yang di-Pertuan Agong atau Raja yang menjalankan tugas² Yang di-Pertuan Agong; atau
- (d) Raja bagi sa-buah Negeri atau sa-orang yang menjalankan tugas² Raja bagi sa-buah Negeri; atau
- (e) Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol, Undang Rembau atau Tunku Besar, Tampin.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan bagi mengechualikan chukai pendapatan atas gaji rasmi bagi isteri kapada sa-orang Raja Pemerintah atau Ketua Pemerintah dalam Akta tersebut.

Tujuan Perentah Chukai Pendapatan (Pindaan kapada Jadual 6), 1969 yang di-buat di-bawah seksyen 2 dalam Ordinan Dharurat (Kuasai² Perlu) No. 2, 1969 dan yang telah di-terbitkan dalam *Warta Kerajaan* pada 1hb Disember, 1969 ia-lah untuk memberi kechualian daripada chukai pendapatan atas gaji rasmi sa-orang isteri kapada Raja Perempuan, Sultanah atau Tengku Ampuan. Kechualian ini ada-lah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1971 dan tahun² taksiran yang berikut kemudian-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Menurut peruntukan seksyen 127 (2) Akta Chukai Pendapatan, 1967, Majlis ini mengambil ketetapan bahawa perenggan baharu 1A seperti berikut di-masokkan ka-dalam Bahagian I, Jadual 6 kepada Akta itu dan akan berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1971 dan tahun taksiran yang berikut kemudian-nya—

“1A, The official emoluments of the Consort of a Ruler of a State having the title of Raja Perempuan, Sultanah or Tengku Ampuan.”.

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Dr Awang bin Hassan (Muar Selatan): Tuan Yang di-Pertua, mengikut usul yang ada dengan nama saya, saya pohon menchadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak² shukor dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga.”.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya memberikan pandangan yang tidak seperti-nya terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong. Baginda kedua baharu sahaja di-tabalkan, tetapi dalam masa yang amat singkat baginda berdua telah dapat menawan hati ra'ayat jelata dan berbagai² lapisan keturunan.

Kedua Baginda maseh muda, peribadi mereka kachak dan menarek, lemah-lembut pula gerak-geri-nya. Segala sifat ini senang memikat hati ra'ayat jelata. Di-samping itu Baginda Yang di-Pertuan Agong mempunyai pandangan luas hasil daripada pendidekan bebas yang di-terima oleh Baginda di-sebe-

rang laut. Baginda juga sentiasa bersedia untuk berdamping dengan ra'ayat. Ini menambahkan kaseh sayang ra'ayat terhadap Baginda. Sudah tentu-nya pemerentahan di-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan merupakan satu pemerentahan yang bijaksana dan adil.

Di-sini saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Ahli² Dewan sakalian kepada bukti sejarah zaman lalu. Sejarah pernah menunjukkan bahawa ta'at setia kepada Raja ada-lah melebehi segala ta'at setia kepada negeri dan keturunan. Bukti sejarah ini amat penting bagi Malaysia yang mempunyai penduduk daripada berbagai kaum. Tumpuan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat melahirkan perpaduan serta persafahaman di-antara berbagai kaum di-negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya semua Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini mengalu²kan pandangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas kecekapan dan kebijaksanaan Tun Abdul Razak, Pengarah Gerakan bagi melahirkan kembali keamanan negeri dan keperchayaan ra'ayat sa-telah terchetus-nya peristiwa 13 Mei yang bersejarah itu. Dengan sekejap masa sahaja peristiwa itu dapat di-kawal dan di-tahan daripada merebak. Ini dengan sendiri-nya menunjukkan keteguhan kerajaan yang memerintah. Di-sini boleh-lah kita bandingkan keadaan rusohan yang berlaku di-Ireland Utara dan di-bandar² di-negeri India dan Pakistan yang maseh tidak dapat di-kawal, tetapi keamanan yang wujud di-negeri ini jangan-lah di-pandang ringan sahaja.

Keamanan bagi bergerak bebas tidak akan ujud sa-kira-nya Pasokan² Keselamatan dan pehak² yang menjaga ketenteraman tidak bersedia berkhidmat dan berwaspada sa-tiap ketika. Kita sungguh terhutang budi kepada mereka yang bertanggung-jawab dalam melahirkan keamanan di-sini. Di-sini sa-kali lagi boleh kita bandingkan dengan keadaan di-beberapa tempat di-mana kerap Duta² di-cholek dan di-kota² seperti New York penduduk²-nya sentiasa bimbang dan takut untuk keluar di-waktu malam kerana berlaku serangan, rompakan dan lain² kejadian buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya beroleh kapada kehormatan yang di-berikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kapada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri kita yang baharu bersara.

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri² yang lain dan juga wakil² Parti Pembangkang sudah pun mengalu²kan kehormatan terhadap Tunku. Izinkan-lah saya bagi Ahli Perikatan yang dudok di-kerusi belakang (back bencher) memberi sedikit pandangan terhadap Tunku.

Tuan Yang di-Pertua, saya bernasib baik kerana dapat melihat dan mengenal sedikit sa-banyak tentang Yang Teramat Mulia Tunku di-masa yang paling awal perjuangan Tunku merebut kemerdekaan. Tunku terpaksa meletakkan jawatan Kerajaan-nya di-Kuala Lumpur bagi mengambil alih pimpinan UMNO. Ibu Pejabat UMNO di-ketika itu berada di-Johor Bahru, terpaksa-lah dia dudok di-Johor Bahru untuk berdekatan dengan Ibu Pejabat. Saya tidak pasti beberapa orang daripada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini yang dapat mengagak di-mana mula² Tunku tinggal masa ia pindah ka-Johor Bahru. Saya rasa dapat di-kira dengan tangan jari. Walau bagaimana pun kebanyakan daripada Yang Berhormat yang menduduki bangku² Menteri dan juga kesemua yang ada di-bangku Pembangkang langsung tidak mengetahui arah-nya.

Tuan Yang di-Pertua, jenerasi sekarang tidak-lah boleh di-salahkan jika mereka menggambarkan Yang Teramat Mulia Tunku dengan kehidupan-nya di-Residency atau kegemaran-nya pada berlumba kuda atau di-padang golf. Saya yang hidup zaman dengan-nya tidak menaruh chemburu atas segala kesenangan sebab saya telah melihat dan mengetahui akan pengorbanan yang telah di-lakukan oleh Tunku.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan-lah saya menerangkan kapada Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini di-mana mula² Tunku tinggal di-Johor Bahru. Ia tinggal di-rumah nombor 8 Lorong Lima, Jalan Yahya Awal. Rumah itu maseh ada lagi di-situ sama seperti di-diami oleh Tunku dekat 20 tahun dahulu, tidak berubah melainkan ada berchat baharu. Ia-nya rumah luas Melayu yang kecil dan berkaki dengan kayu-nya tidak lebeh daripada 500 kaki persegi. Rumah ini tidak-lah ada halaman

kerana di-sebelah lorong itu rumah berapat². Dapat saya katakan rumah seperti itu adalah biasa-nya bagi orang² yang bergaji kecil. Tunku dan isteri-nya merendahkan diri untuk tinggal di-rumah yang kecil ini, sa-lepas merasai dudok di-rumah Kerajaan yang besar dan istana-nya di-Alor Star. Barangkali bukan sahaja keadaan rumah yang di-diami-nya itu yang meminta pengorbanan yang besar daripada-nya, tetapi ada-lah juga keadaan UMNO di-waktu itu. UMNO setelah perletakan jawatan oleh Allah-Yarham Dato' Onn ada-lah dalam keadaan pechah-belah. Tunku sa-bagai pemimpin baharu-nya dan sa-bagai President-nya terpaksa membena sa-mula seperti diri asal-nya. Ia tidak ada kenal langsung keistimewaan-nya di-Johor Bahru. Orang² Melayu di-ketika itu terlalu kedaerahan dan berpuak². Orang² besar di-Johor terutama-nya amat sombong dan menganggap diri mereka sa-bagai orang Melayu yang paling maju dan modern di-Semenanjung. Mereka menganggap bahawa mereka dapat bertutor bahasa Melayu yang tulin dan tinggi. Loghat Kedah yang di-tutori oleh Tunku menjadi ketawa mereka. Tidak ada tanda yang Tunku itu hidup mewah. Tidak ada sa-orang pun yang sungguh per-chaya bahawa Tunku dengan sifat sambil lewa-nya dan tidak peduli itu boleh menjadi ahli politik yang bersungguh² dan berchita² dengan tujuan yang suci bagi mencapai kemerdekaan untuk Malaya. Sungguh pun kuasa tentera British sa-lepas perang dunia sudah berkurangan, tetapi ia maseh kuat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah hari yang gelap bagi Tunku, akan tetapi saya fikir sa'at yang paling indah bagi Tunku ia-lah ketika ia merendahkan diri-nya untuk masuk tinggal di-rumah nombor 8 Lorong Lima, Jalan Yahya Awal bertafakkur di-hati-nya untuk membebaskan negeri ini dari penjajahan. Nyata-lah kejujuran Tunku itu. Ra'ayat pun berhimpun di-belakang-nya. Perjuangan pun mara ka-hadapan dengan tidak dapat halangan lagi. Sa-hingga sampai waktu yang bersejarah pada lepas sahaja tengah malam 30 Ogos, 1957, yang anak Raja Kedah ini menurunkan bendera Union Jack di-Padang Selangor Club.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan-lah saya berchakap sedikit kawasan pilihan-raya saya. Menjadi tanggung-jawab saya di-dalam ucapan saya ini untuk menyentoh tentang kawasan pilihanraya saya.

Sa-sunggoh-nya saya berasa bangga kerana di-berikan tugas memberi ucapan terima kaseh kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kehormatan ini ada-lah juga kehormatan kapada penduduk² kawasan yang saya wakili.

Saya mula masok di-kawasan ini menjadi wakil Ra'ayat Muar Selatan melalui pilehan-raya kechil bagi memenohi tempat yang telah di-kosongkan oleh kematian Dato' Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman. Beliau pernah menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan kemudian-nya menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di-Australia. Ketika bertugas di-Australia beliau telah meninggal dunia. Allah-Yarham ada-lah sahabat baik Yang di-Pertua sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada pilehanraya umum tahun 1964 dan tahun 1969 saya telah menang tanpa bertanding barangkali parti² lain, parti lawan, segan masok berlawan.

Di-sini saya mengucapkan terima kaseh kapada parti saya yang memilih saya sabagai chalun kawasan Muar Selatan dan membolehkan saya dudok dalam Dewan yang berbahgia ini.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan-lah saya menerangkan serba sedikit tentang sejarah kawasan pilehanraya saya.

Di-kawasan Muar Selatan banyak berlaku kejadian yang bersejarah. Ayer Hitam dalam kawasan Muar Selatan telah menjadi medan peperangan yang amat hebat antara askar Australia dan Jepun dalam peperangan dunia yang kedua. Dengan kalah-nya askar Australia di-dalam peperangan itu, jatoh-lah Tanah Melayu ka-tangan tentera Jepun—sa-telah itu bermula-lah peperangan di-Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, berikut ini ada-lah kejadian yang bersejarah. Barangkali ada di-antara Ahli Yang Berhormat di-Dewan ini pernah mendengar mengenai pendekar Melayu yang mengaku diri-nya kebal, bernama Kiai Salleh, Kiai Salleh mempunyai pengaruh yang besar dalam tahun lima puluhan. Bila pilehanraya Persekutuan pertama di-adakan di-kawasan-nya, Kiai Salleh telah melarang sa-siapa untuk membuat kempen pilehanraya. Ia sunggoh di-takuti oleh orang ramai. Tunku-lah orang yang pertama yang berani membuka jalan untuk memulakan kempen pilehanraya di-situ.

Tuan Yang di-Pertua, lagi kejadian yang bersejarah barangkali ada juga antara Yang

Berhormat telah mendengar tentang sa-orang pengganas Melayu yang telah terkenal di-masa dharurat bernama Mat Indera. Banyak kampung² dan Balai Polis telah di-serang dan di-bakar menyebabkan ramai polis dan orang awam di-bunuh. Mat Indera akhir-nya dapat di-tangkap hanya dengan di-perangkap sa-chara tipu-helah ia-itu dengan memasukkan ganja di-dalam makanan-nya. Ini berlaku dalam Mukim Seri Medan kawasan Muar Selatan. Demikian-lah kajian yang bersejarah dalam Muar Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Muar Selatan yang saya wakili ini mempunyai penduduk yang berjumlah lebih daripada 100,000; luas-nya hampir 300 batu persegi. Tidak kurang daripada 35 ribu orang ada-lah pengundi yang berdaftar. Sa-bahagian dari kawasan Muar Selatan saperti Mukim Seri Medan dan Parit Sulong dudok-nya di-daerah Batu Pahat dan di-tebing Sungei Batu Pahat. Dukachita sa-kali di-kawasan saperti Seri Medan dan Parit Sulong kerap kali di-serang banjir. Tiap² tahun atau tiap² kali hujan lebat kawasan² ini di-naiki ayer, sa-tiap kali banjir penduduk-nya terpaksa berpindah.

Banjir yang baharu lalu ini ada-lah banjir yang paling terok pernah di-alami. Sesuai sa-kali perkara ini saya ketengahkan pada hari ini, ia ada berhubung dengan ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ia-itu mengenai pemulehan kehidupan mangsa² banjir. Kerajaan mempunyai ranchangan taliayer Malaysia Barat yang akan memakan belanja sa-banyak 65 juta ringgit. Ini ada-lah ranchangan jangka panjang. Penduduk dari kawasan yang saya sebut tadi sangat memerlukan ranchangan pemulehan sa-mula. Penderitaan mereka tiap² tahun atau musim itu perlu di-ambil berat. Kita sa-bagai Kerajaan yang bertanggung-jawab tidak boleh membiarkan penderitaan ini berpanjang²an, patut-lah mereka di-pindahkan ka-kawasan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk² di-kawasan Muar Selatan bergantung kapada berchuchok tanam saperti kelapa, nenas dan meroreh getah. Dapat juga nelayan di-Mukim Parit Jawa di-samping itu di-Seri Medan ada perusahaan melombong bijeh besi tetapi hasil bijeh itu mula² kering. Akibat-nya ramai di-antara pekerja² lombong di-Seri Medan terpaksa di-berhentikan. Sesuai dengan dasar ekonomi hal ini perlu di-perhatikan oleh Kerajaan dengan segera. Penganggoran juga semakin bertambah. Anak²

muda yang keluar dari sekolah tiap² tahun bertambah ramai. Mereka ini tidak mungkin dapat menumpukan kerja kepada kawasan yang amat kecil. Jalan untuk mengatasi masalah ini ialah dengan membawa perindustrian di-kawasan Muar Selatan. Ini sesuai dengan dasar ekonomi Kerajaan sekarang. Saya ulangi sebab² mengapa kawasan Muar Selatan perlu diperkenalkan dengan perindustrian. Pertama-nya pengangguran makin bertambah, kedua anak² yang keluar sekolah tiap² tahun amat ramai. Akhir-nya kawasan untuk berchuchok tanam terlalu sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, malang-nya bagi kawasan Muar Selatan ini tidak ada tanda yang perindustrian akan diperkenalkan segera. Tenaga yang paling penting bagi perindustrian ada-lah tenaga letrik, belum ada. Sebahagian besar daripada kawasan Muar Selatan telah berkali² memohon supaya dapat di-sambong bekalan letrik dari Seri Menanti di-Semerah dan terus ka-Bangan, tetapi hingga sekarang tidak juga hasil.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan hal ini ada-lah perlu bagi menggalakkan perusahaan masuk ka-kawasan Muar Selatan dan dengan itu pengangguran dapat di-kurangkan. Ini-lah saya mengambil kesempatan ini meminta Kementerian Perdagangan dan Perusahaan mengerakkan perlaksanaan membekalkan tenaga letrik ka-Muar Selatan, kebetulan pula Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-lah juga Pengerusi Peranchang Keluarga, Malaysia. Yang Berhormat Menteri itu, tentu sahaja ma'alum tentang penting-nya tenaga letrik bagi menyiapkan peranchangan keluarga. Oleh sebab tiada tenaga letrik penduduk² kawasan saya tidak ada hiburan di-waktu malam seperti T.V., wayang² untuk menyimpangkan fikiran mereka. Keadaan gelap itu tidak menggalakkan peranchangan keluarga, sa-balek-nya ia menggalakkan penduduk² beredar ka-bilek tidor siang² hari dan menunaikan kewajipan-nya masing². Kesudahan-nya perindustrian yang amat maju di-kawasan luar bandar seperti Muar Selatan ia-lah perindustrian yang mengeluarkan anak. Ini-lah sahaja satu perindustrian yang lekas maju dalam keadaan gelap dengan tiada bekalan tenaga letrik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung rapat dengan kelahiran anak ia-lah anak ini ada-lah sekolah. Muar Selatan mempunyai sekolah rendah yang amat banyak, begitu juga

dengan sekolah menengah, kebanyakan daripada sekolah² rendah-nya ada-lah peninggalan dari zaman penjajah dulu. Sekolah itu tidak lengkap dan tidak sesuai sebagai tempat mendidik anak dengan sempurna. Sekolah² Inggeris di-bandar² lebih sempurna dan lengkap. Ini perlu sa-kali diperhatikan untuk melahirkan anak² di-luar bandar yang lebih bijak dan sempurna pelajaran-nya hingga di-peringkat menengah dan universiti. Pelajaran asas yang sempurna untuk anak² luar bandar ada-lah perlu bagi membolehkan mereka meneruskan ka-sekolah² yang lebih tinggi. Saya ingin menarek perhatian Kementerian Pelajaran tentang hal ini bukan sahaja bagi kawasan saya tetapi juga bagi anak² luar bandar seluruh-nya. Di-samping itu ada beberapa aduan penting yang saya ingin bawa untuk perhatian Kementerian Pelajaran. Ini ada-lah suara dari penduduk² yang saya wakili. Mereka amat berdukachita kerana bahagian Sekolah Menengah Semerah yang di-jilat api belum lagi di-baiki. Sekolah Menengah Dato' Sulaiman belum lagi diperbesarkan lagi seperti yang di-chadangkan. Tapak sekolah bagi Sekolah Menengah Yusof belum ditetapkan lagi. Dukachita sa-kali hal ini tidak di-segerakan. Orang² di-kawasan Muar Selatan telah menunjukkan minat untuk menghantarkan anak² mereka di-sekolah². Dengan demikian jangan-lah hendak-nya mereka tawar hati dan jemu langsung memberhentikan anak² mereka dari sekolah. Sa-kali lagi saya ingatkan betapa penting-nya kemudahan sekolah bagi anak² luar bandar bagi menjayakan cita² ekonomi sama rata bagi semua anak² negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana kesanggupan Ahli² Yang Berhormat untuk mengikuti ucapan saya tentang masalah² yang di-hadapi oleh penduduk kawasan yang saya wakili. Sa-benar-nya semua-nya ini berhubung dengan ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dalam ucapan Baginda di-sentuh juga tentang demokrasi berparlimen di-negara kita ini. Bersyukur sa-kali kita kerana Dewan ini telah mendapat persetujuan untuk menyokong pindaan Perlembagaan itu. Ini menunjukkan sebahagian besar daripada rakyat Malaysia suka hidup berdamai dan saling bertolak ansor, hanya beberapa orang sahaja yang tidak bersedia bekerjasama bagi menggalakkan perpaduan kaum di-negara ini. Perlu-lah di-ingat bahawa kita chintakan demokrasi,

tetapi chita² kita jangan-lah mengancam keselamatan negara dan akhir-nya membunuh demokrasi itu sendiri. Dengan lulus-nya pindaan Perlembagaan yang melarang perbinchangan perkara² perkauman, maka dengan sendiri-nya penduduk² dari berbagai kaum di-Malaysia ini menjadi satu. Dengan itu baharu-lah demokrasi berparlimen boleh di-jalankan dengan lichen.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Abdul Razak dan Kerajaan-nya dalam meranchangkan satu sistem ekonomi yang memberi peluang sama rata bagi semua penduduk negeri ini. Kita menunggu perlaksanaan dasar ekonomi baharu yang telah di-istiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baharu² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchadang dalam ucapan terima kaseh kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk berchakap panjang telah menjadi tradisi dalam ibu Parlimen di-England untuk sa-boleh²-nya ucapan itu sengkat dan tidak membawakan soal² yang akan melahirkan penentangan. Uchapan saya ini ia-lah untuk menyampaikan hasrat penduduk dan ucapan terima kaseh kepada kebawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Uchapan Baginda pada masa membuka penggal pertama Parlimen yang Ketiga. Saya juga bertanggung-jawab untuk menyampaikan hasrat penduduk² di-kawasan yang saya wakili. Segala-nya berkait rapat dengan Titah Baginda. Mengenaï perkara² yang membangkitkan pertelingkahan, saya serahkan kepada mereka yang suka dan mahir dan melahirkan perkara² yang bertentangan itu.

Sa-kali lagi saya ucapkan terima kaseh atas kesempatan yang di-beri kepada saya dan kehormatan yang di-berikan kepada penduduk² kawasan Muar Selatan yang saya wakili.

Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Dato' Yang di-Pertua, saya berasa menghormati dapat menyokong usul Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di-Meshuarat Yang Pertama Dalam Penggal yang Pertama bagi Parlimen Yang Ketiga.

Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bukan sahaja menerangkan dasar² Kerajaan pada hari hadapan bahkan mensifatkan bahawa Negara kita akan memasoki satu zaman yang baharu. Sa-bagai Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alom di-bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Negara kita telah menchapai kemerdekaan dengan gemilang. Apa yang kita menghadapi sekarang ia-lah mengatasi apa² masaalah jua pun. Untuk memperbaiki segala kedudukan yang dihadapi sekarang bukan tanggung-jawab dan kepentingan Kerajaan sendiri juga Ahli² Yang Berhormat semua dan ra'ayat jelata mengikut chara² yang berguna dan jaya pimpinan² Negara, ra'ayat hendak-lah dan apa² dasar kita dan asas untuk mengukuhkan ra'ayat hendak menyelideki supaya semua kaum² lebeh bersatu-padu untuk kemajuan Negara.

Dato' Yang di-Pertua, kita patut berasa gembira dan seronok oleh kerana di-dalam Titah Uchapan, Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan sa-mula kepentingan Rukunegara. Rukunegara mengikut pandangan saya ia-lah perlu menjadi sa-bahagian Perlembagaan Negara kita oleh kerana ia akan membangkitkan ra'ayat jelata bersatu-padu dan akan membawa satu semangat insentif baharu.

Negara kita telah menchapai kemerdekaan tidak beberapa tahun yang lalu dan oleh sebab itu pengertian dan kesedaran negara, ra'ayat jelata tidak begitu memuaskan. Maka untuk melaksanakan kejayaan Rukunegara kena makan masa dan mesti di-jalankan terator. Pengertian Negara juga pengertian siasah ada-lah juga satu keistimewaan untuk sa-buah negara yang merdeka. Prinsip² Rukunegara walau bagaimana pun hendak-lah di-lancharkan dengan sa-baik²-nya, jika tidak, ia boleh menjadi satu chogan kata yang tidak berma'ana.

Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia pun telah menyebutkan mengenaï dasar² siasah,, ekonomi, pelajaran dan lain². Di-dapati saya sekarang kebanyakan ra'ayat jelata berasa bimbang apabila menghadapi dasar² baharu walau pun dasar² itu baik dan berguna kepada masharakat. Oleh hal itu Kerajaan hendak-lah siap sedia tiap² penyelesaian untuk apa² masaalah yang akan di-bangkitkan. Pendek kata kalau kepala sakit bagi-lah ubat

sakit kepala, jika perut yang sakit, ubat-lah sakit perut itu. Penyelesaian itu mesti kena tempat-nya. Dengan chara itu baharu-lah negara kita dapat terus menerus menambah maju dan ma'amor. Kita memang suka mendengar Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berkenaan membena satu masyarakat yang satu padu, adil dan progresif. Tujuan² dasar itu untuk membasmi kemiskinan di-golongan ra'ayat dan mengukuhkan perpaduan negara. Tentang sa-imbang di-kalangan kaum itu ada-lah satu perkara biasa di-dalam sa-buah negara mahu pun di-dalam sa-buah rumah. Apa-kah erti-nya "ekonomi tidak sa-imbang?". Mengikut pengetahuan saya erti-nya ia-lah pendapatan satu lebih daripada pendapatan yang lain. Untuk meninggikan atau memperbaiki ekonomi satu kaum yang tidak sa-imbang itu kita mesti-lah mengambil perhatian ekonomi penanaman orang asing di-negara kita yang telah mengambil tempat besar. Sungguh pun kita berterima kaseh kapada mereka membantu ekonomi Negara kita dan telah mengambil tempat mustahak pendirian ekonomi Negara kita. Kita berharap mereka tidak akan champor tangan dalam Rancangan perubahan dan kemajuan ekonomi hanya meneruskan tempat kedudukan mereka di-negeri kita sekarang. Saya kata demikian oleh kerana saya dapat tahu ia-itu sa-paroh mereka chuba mencheroboh kaum China dengan kaum Melayu menentang satu dengan lain serta berasing di-dalam kemajuan ekonomi dan bukan bekerjasama untuk mencapai perpaduan dan bersatu-padu. Saya sokong penoh rancangan Kerajaan membasmi kemiskinan dan harap ekonomi kaum Melayu serta ekonomi di-kalangan kaum yang lain dapat di-perbaiki dengan melancarkan perusahaan dan rancangan tanah. Rancangan² itu ada-lah perlu dan penting untuk pekerja² yang tidak dapat kerja. Dan saya perchaya Kerajaan akan meluaskan perindustrian dan kemajuan tanah di-luar bandar akibat-nya meninggikan pendapatan gulong rendah di-luar bandar seperti sama tinggi dengan yang di-dalam bandar. Maka satu rancangan "Bekerja di-Kampung" dengan chara besar²an jika dapat di-lancarkan akan membawa faedah kapada mereka itu dan kapada negara.

Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya beruchap satu dua perkara berkenaan dengan negeri saya, ia-itu negeri Pahang sa-buah negeri yang chukup pada masa akan datang aman, ma'amor dan berjaya. Pada 10 tahun

yang lalu Kerajaan Malaysia telah melancarkan berbagai² rancangan kemajuan tanah di-Negeri Pahang dengan maju dan jaya. Saya berterima kaseh kapada Kerajaan Malaysia. Rancangan Lima Tahun Yang Kedua akan di-jalankan di-Negeri Malaysia sukachita saya sa-kira-nya lebih banyak tanah akan di-mileki kapada ra'ayat. Di-negara saya tanah hutan ada banyak, orang tidak ada tanah dan mahu tanah pun banyak, orang tidak dapat kerja pun banyak juga. Kalau tanah di-mileki kapada orang² di-situ mereka pun dapat kerja dan pendapatan, dan Kerajaan pun dapat hasil. Dua² pehak pun untung dan baik.

Berkenaan pengangkutan, saya suka menegaskan kapada Kerajaan tentang jambatan di-Temerloh. Jambatan itu telah di-roboh oleh ayer banjir pada awal tahun ini. Feri digantikan jambatan itu sekarang akan tetapi tidak beberapa memuaskan hati oleh kerana lambat. Kenderaan selalu kena tunggu dua atau tiga hari baharu-lah dapat menyeberang. Ini ada-lah rugi besar kapada Kerajaan, bukan sahaja kapada Kerajaan Negeri, tetapi juga kapada Kerajaan Pusat tentang hasil oleh sebab pada tiap² hari beratus² buah lori kayu balak dari Negeri Pahang dan Pantai Timor tidak dapat menyampaikan ka-kilang² di-Selangor atau Port Swettenham. Pendek kata pendudok² di-Pantai Timor pun berasa susah payah berulang alek ka-Kuala Lumpur dan ka-Pantai Barat. Maka sa-buah jambatan baharu hendak-lah di-bena dengan sa-chepat²-nya.

Sa-bagaimana yang di-Titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dalam tahun tujoh pulohan ini Malaysia di-bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia dan dengan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein mengetuai Kerajaan Malaysia, saya yakin dan yakin penoh bahawa Negara Malaysia akan menempoh zaman yang bertambah² ma'amor, maju, aman dan sentosa.

Maka saya menyokong usul Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kaseh.

Tuan V. David (Dato Kramat): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, the Gerakan has the role of a dynamic, constructive and progressive Opposition in this House. We, of course,

commit to play a most distinct and effective role in this House bringing into realisation the views and aspirations of the people.

Sir, it is a fundamental principle of the democratic system that the majority rules. The function of the minority, however, is equally fundamental. The vital element in the balanced operation of democracy is a strong, alert and watchful Opposition. Sir, that is our task for the life of this Parliament. We have emerged as a vigorous and public-spirited Opposition party. As an Opposition, we retain the right to criticise the policies of the Government of the day. If we permit one party to dominate our lives, democracy would become meaningless and will ultimately collapse. Sir, we believe deeply in the principles that we stood for in the general elections in 1969. It is our constitutional duty to debate the policies of the administration and to express ourselves freely and openly. Sir, let not the House make an error—we will not be opposing just for the sake of opposition. Ours will be an Opposition aimed in building a strong, united, multi-racial, dynamic and progressive Malaysia and strive towards creating a just and prosperous society. Sir, as an Opposition, we will establish ourselves in a manner that will create a national character for the party we represent. We will echo the voice of the masses in this House.

Mr Speaker, Sir, we have today before us the Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong. The Government's future policy has been reflected in the Speech from the Throne. Sir, we have examined in a most detailed form the past performance of the ruling party and its so-called blueprint for the future. Although the nation is heading to a turning point, unfortunately, at this crucial juncture, the Speech does not basically reflect the views and aspirations of the vast majority of the people of this country. Sir, when one scrutinises the policy of the Government in the past, it gives us no encouragement to expect that there will be any form of change or, we may call, winds of change that would solve the problems of the nation. Sir, we think that there will be no improvement because the Government lacks the sincerity of purpose and dedication. Promises have been dishonoured and powers have been abused in the past, thus giving no confidence at all on the Government's professed intentions.

His Majesty's Government, in the Royal Address, threw a lot of barren platitudes and promises, which we have seen in previous Addresses, and when one dispassionately scrutinises its performance and actions during the 22 months of NOC rule, one would note that political expediency had over-shadowed sincerity and rationality of purpose.

Mr Speaker, Sir, we in the Gerakan are a responsible, rational and serious-minded Opposition party and imbued with a sense of national purpose and reconstruction. We are of the firm belief that we have a sacred duty both within and without Parliament to create the necessary socialising elements which could be conducive to racial harmony and political stability. I repeat here, again, that we do not believe that it is our duty to oppose just for the sake of opposition. Our sincerity in supporting the Rukunegara and the Constitution (Amendment) Bill provides ample testimony of our good intentions and to see that the nation survives. Nor do we believe in playing to the racist gallery outside the Dewan, and like good men come to the Dewan to justify policies in the name of consolidating racial harmony and solidarity.

Sir, we in the Gerakan are level-headed, rational and objective in our approach, well aware of the economic, political and social ills of our multi-racial society. We have consistently and vigorously adhered to the Rukunegara and non-communal philosophy. Based on the latter, we gave a sober and dispassionate analysis of the total situation facing the country in the 1969 general elections. Sir, in this House, in examining the Government's blueprint for the future we do the same.

Sir, His Majesty's Gracious Address emphasised the need for vigilance to ensure that the tragedy of May 13th shall never recur, and expressed confidence that Parliament and the people will co-operate with the Government in the building of a united and progressive nation. It also emphasised that the essential objective is the creation of a "more just society". In order to achieve the latter, His Majesty's Government stated that the main objectives of the so-called New Economic Policy are, first, to eradicate poverty among the have-nots irrespective of their social origins and, second, to obtain and strengthen national unity.

Mr Speaker, Sir, let me state categorically that I do not quarrel about these laudable objectives. What troubles and agitates me is that the Alliance Government for the past 15 years (including the 22 months of NOC rule) has earned the reputation for making a host of barren platitudes and paying lip service to them. Sir, I thought that the Government would turn a new leaf after the May 13th riot. But sad to say, the actions and performance of the Government during the past 22 months do not at all give comfort to us, least of all allaying the fears and anxieties of the vast majority of the people regarding the implementation of economic and social policies.

Sir, in addition to failing to mention the "hows" of achieving the above, the Government has the audacity to make a hollow and fallacious claim that its labour laws and amendments will be of great benefit to the country and will help to promote good employer-employee relations. Mr Speaker, Sir, this is an absolute illusion by the Government. Sir, the people of Malaysia and the whole world know that the Government's anti-labour laws have clipped the wings of the trade union movement and had stifled and emasculated the fundamental rights and liberties of the working class.

Mr Speaker, Sir, before going into the exercise of the cunning of the Government's anti-labour laws, let me point out the commissions and omissions of the Government during the past 15 years including the 22 months of NOC rule. These, of course, will advance my argument that the Government is not sincere in its preaching of democracy, economic equality and social justice. Sir, we, in the Gerakan, have all along followed the letter and spirit of the Malaysian Constitution. Our philosophy, unlike that of other organisations, is not only to preach fundamental values and socialising elements that will be conducive, desirable and practical to the consolidation of inter-racial harmony and multi-racial solidarity but also to practice it in our daily lives both within and without the political arena.

Mr Speaker, Sir, sad to say, the Government has repeatedly violated the tenets of the Rukunegara. Sad to say, there is lack of political maturity on the part of some of the Alliance leaders. If the Government needs, we are prepared to give facts and figures to back our arguments. Sir, it is not enough to

proclaim good ideas. We must have good men to practise good ideas. As Confucius said, "We cannot carve from rotten wood". No matter how good the plan is, without proper people it cannot succeed and it is bound to fail. Mr Speaker, Sir, the Alliance should see that their members practise the Rukunegara. The democratic and patriotic life of Malaysia depends as much on the Government as the Opposition. Sir, as far as the Gerakan is concerned, we are prepared and determined to play our part. The Gerakan on its part is determined to be a strong, tolerant, capable and progressive multi-racial party, representing the legitimate interests of the different communities in this country. Our methods to gain support is not by setting one race against the other but by making them unite and assist each other.

Sir, in broad terms the Government emphasised the needs for vigilance to ensure that the tragedy of May 13 shall never recur. We, in the Gerakan, fully support this and we are aware that in order to prevent its recurrence the Government must, mercilessly and impartially, stamp out racial fanatics wherever they may be. But, Sir, we in the Gerakan are concerned by the way some of the Cabinet Ministers and members of a component party of the Alliance go about talking about the May 13 riot. Sir, it is being used by certain Alliance members as a political argument to support certain Government policies. It is unwise and unethical for the Government to exploit the May 13 riot. Mr Speaker, Sir, in certain instances including in a by-election in Malacca recently, some of the leaders of the ruling party spoke of the riot as though it was a historical event deserving both fear and reverence. Too much indiscriminate talk of the May 13 riot would only sustain an unhealthy atmosphere. Mr Speaker, Sir, we, in the Gerakan, strongly reject the political philosophy that seeks to justify major policies using the riot as a principal argument. We appeal, Sir, to the good sense of the Alliance leaders to put a stop to this before it is too late, not only in public meetings but also in future election rallies.

Sir, let me deal with the professed objectives of the Government's creation of a just society. The main objective of this policy, as the Government says, is to eradicate poverty among the have-nots, irrespective of their racial origins and, second, to obtain and strengthen national harmony.

Mr Speaker, Sir, in order to achieve the above, the Government should adopt a more rational economic and social policy unfettered by political interest, psychological feudalism, corruption and shortsighted stop-gap measures. Mr Speaker, Sir, the wanton waste of public funds and erection of prestigious buildings which had aggravated the economic situation must not only stop but must be seen to be stopped once and for all.

Mr Speaker, Sir, the Government talks about a plan to enable officials of both sides, of the Government and of the private sector, to establish closer contacts in order that collaboration can mutually reinforce each other's efforts in promoting the growth of the country's economy. But, Sir, we do not know how the Government intends to achieve this, but let me warn the Government that political blackmail and mailed-fist politics towards the private sector will not create the conducive atmosphere for collaboration. It could only create bad effects of a catastrophic nature.

Mr Speaker, Sir, in addition, His Majesty's Speech has conveniently side-tracked the issue of efficiency in the Government sector. The word "efficiency" has connotations of a subjective nature. But, Sir, there is no doubt that increasing corruption, malpractice and psychological feudalism have considerably dissipated the taxpayers' money and had brought about inefficiency and lethargy. Sir, we must warn the Government not to treat these despicable, contemptible and contagious elements lightly as it has done by failing to mention these in the Gracious Speech. We, Sir, in the Gerakan, stress that to wipe out these contagious elements, which in the long run may eat into the vitals of our society, the Government should not only attack the root of the problems but also should cast its net wider to trap not only the "small fishes" but more important the "big fishes". Of course, Sir, this will be a major task of the Anti-Corruption Agency. Sir, every time the Government announces its catch (and that too not too frequently) it somewhat misses the slippery "big fishes". We ask the Government to wake up from their sleep before it is too late. Let the Government, Sir, examine the various Swiss banks and other banks where certain members, even in this House, have conveniently taken shelter by one way or other to protect the ill-earned money through different sources.

Mr Speaker, Sir, in the Speech from the Throne it is stated that—

"In endeavouring to build a dynamic, just and progressive society, Our Government, with the advice and co-operation of the National Consultative Council, has formulated a number of principles which will serve as a guide to our way of life. These principles were proclaimed as Rukunegara on 31st August last year. We exhort all Our people to understand and observe the principles embodied in the Rukunegara."

Mr Speaker, Sir, the Gerakan, as I said earlier, accepted the Rukunegara in good faith with the hope that the Government would also strictly adhere to the spirit of the same. But, however, it has become a disappointment, a terrible disappointment, to us when the Government itself has violated the principles and spirit of the Rukunegara on many occasions. The actions and deeds of the Government and the Ministers, Sir, have given rise to the feeling that the Government is not prepared to follow what it expects from the masses of this country. Sir, the Rukunegara has been violated, as I said earlier, by the various Ministers by making irresponsible utterances too often. Let me remind this House that if the people are to respect the Rukunegara and forge national unity and identity, then the Government must be prepared to set the pace and act in a more responsible manner. Mr Speaker, Sir, His Majesty declared, and I quote,

"One of the aims of Our Government is to create a more just society. As one of the means to this end, Government has formulated a dynamic and practical economic policy. The main objectives of this policy are, firstly, to eradicate poverty among the have-nots irrespective of their racial origins and, secondly, to obtain and strengthen national unity."

Mr Speaker, Sir, the Government claims that it is dedicated to the creation of a just society. We fully realise the desire of some governments, of course, to give a status of social equality and provide economic opportunities for the common people. Sir, how could a Government build a just society when it has not been able to provide the climate for building an equitable society where man-to-man exploitation can be absent? Sir, the economic programmes of the Government has not served so far the common man, that is, the people who are tilling the soil, the workers in the estates who bring wealth to this country, the workers in mines, people in factories and in other fields. The economic upliftment has not made them feel that they are being led towards a just and

prosperous society. Sir, up to this time we can honestly condemn that the Alliance's ill-planned strategy of economic equality has only made the rich richer and the poor poorer. The gap between the haves and the have-nots has tremendously widened in the past 15 years. The ordinary peasants and the poorer sections of the community have not been given a place in our social and economic structure. There has been abuse in the economic policies of the Government. Instead, Sir, of eliminating poverty of the peasantry and the workers, the Government has created a feudal rich minority Malay community at the expense of the many poor Malays. Sir, the inability of the Alliance party, in power for the past 15 years, to bring about social changes as promised was the main factor which brought about the defeat of Alliance candidates in many constituencies in the last general elections. In the name of Malay privileges, it has made the Malays poorer. A few of them have become directors of a dozen business establishments, drawing large sums of salary in the name of improving the economic lot of the Malays. Sir, this new breed of Malay tycoons and some Alliance Ministers also send their children abroad for studies, thus confirming the fact that our educational system is not good enough. Sir, where are we going to? I say this without any hesitation because the poor Malays will be my witnesses, both in this House and outside. The economic lot of the Malays can only be improved if and when the Government is prepared to channel efforts directly to the needy ones and not make the rich richer and oppress the poor. Sir, a glaring example for this would be the driving licence rate which was increased from ten dollars to twenty dollars. The twenty dollars have to be paid not by the rich Malays but by the poor Malays. Sir, on the other hand, the poorer section of the estate workers, who have been hit by fragmentation of estates, have not found in many cases alternate employment or rehabilitation in the proper sense. Estates have frequently been fragmented by ruthless and merciless exploiters who have managed to seek refuge under the ruling political party. The workers who have contributed all their lives to the economic stability of this country have finally been driven in frustration and despair by well entrenched racketeers who have no time to think of the livelihood of the weak, poor and defenceless ignorant. Mr Speaker, Sir, the political party which is supposed to be the champion of these workers has remained

silent because a number of its leaders themselves are involved in fragmentation of estates and they themselves are recognised exploiters of the poor and ignorant. For the people living in new villages and other places of employment, their social amenities have not been improved because most of these new village dwellers frequently and often support radical views and their votes mostly go in favour of Opposition parties and, as a step to victimise, social amenities in new villages are completely absent. Lack of assistance from the various Government departments to offer land and provide amenities whenever possible and to improve the living conditions, has not been dealt with in a manner that would relieve their hardship.

Mr Speaker, Sir, on many occasions many, many years ago, we have argued in this House that fragmentation was a social evil. It is a social evil. We felt that rubber being the life stream blood of our economy, we cannot afford to see that the estates are fragmented into pieces and the yielding capacity of latex to be reduced to the level where it may one day have a serious effect on the economic life of the nation. Very little has been done towards this. Thousands and thousands of workers who have never seen the urban areas outside the estates have been thrown out of employment by these crooked and ruthless exploiters. Sir, I call upon the Government to take strong measures to see that effective legislation is introduced whereby not only fragmentation is prevented but the estate workers, who are weak, poor, defenceless and ignorant, should be protected and they should be offered a living as they are entitled for a living in this country.

Mr Speaker, Sir, the Government has committed itself to helping everyone economically, irrespective of ethnic origin. What seems obvious to everyone is that it has taken the Alliance 15 years and a racial riot to realise that economic advancement is a primary factor for national unity. Mr Speaker, Sir, we in the Gerakan are committed to this policy to create a viable economy plus a society where everyone can live happily in the absence of exploitation.

Mr Speaker, Sir, first and foremost, we must insist that all those who are weak and disadvantaged, socially and economically must be helped. The ra'ayat at grass-roots must see justice done—not only in the urban areas, but ra'ayat including the East-Coast. Indeed,

unless the people feel that the system—our political system—is just and fair to all of them, there is no hope for national integration, Mr Speaker, Sir, for national integration is intertwined with justice and fairness. At the same time, we believe that the Malay community which, because of certain historical, sociological and cultural reasons, is, as a community, more disadvantaged, must be given special assistance wherever possible. Mr Speaker, Sir, let me insist here that only the poor Malays must be extended this aid. For the thrust of the Alliance policy in the last 15 years has been to extend opportunity to a small and powerful elite group of Malays who have been grafted upon a basically feudalistic, capitalistic structure. Mr Speaker, Sir, so, when the Government talks of helping the Malays in business and commerce what they mean is helping the rich Malays and not the poor.

Mr Speaker, Sir, let me sound a warning: this will never solve the economic problems of the Malay community. Where is the change in the living conditions of the poor and needy? The change can only come if it is genuinely desired by those who hold the reins of power.

Mr Speaker, Sir, the laws that we enact, the conditions we create in this country, should be suitable to the ordinary man in the street to survive. Then only we can find a nation which can march towards a just and prosperous society.

Mr Speaker, Sir, we are of the opinion that the Government is responsible for racial discord and racial prejudices. I can quote examples such as the housing schemes of the Government. Sir, I have spoken on the integrated housing schemes not in the past one or two years but before 15 years. When I was in the Municipal Council, Kuala Lumpur, I had said that at all times we must have an integrated housing scheme whereby people can live side by side. Sir, I can quote examples such as the housing scheme of the Government where there is no opportunity for integration. Sir, I am against all forms of segregated housing schemes. The various races must be permitted and encouraged to live together side by side. Only such a type of housing schemes can develop national unity in the proper context. The present Government's attitude towards national unity has met with failure because they are not capable of handling the matter with sincerity.

Sir, of course, you will have many who have gone to colleges to study national unity in this House, but on this side without even going for higher education on national unity, we can say that there are many ways to forge national unity. National unity can only come about when children of the different races are permitted to mix freely with each other and live with each other as neighbours taking an interest over each other's affairs and learning from their tender ages the need to mutually respect each other's customs and beliefs. Sir, about 15 years ago, I said to the Municipal Council that we must have an integrated sport organisation; I was then against all forms of teams which were organised on racial basis, but it took many, many years for the Alliance to realise that their disagreement with us has been their utter failure. Even now there are many racial teams—there are teams purely based on race and not on the importance of sports.

We have not seen the Government moving in the direction of integration but it is attempting to create small pockets of different communities living separately. Therefore, we can safely say, Sir, that the Government has failed in forging national unity because it has failed to integrate the races when it has all the opportunities to do so. Mr Speaker, Sir, national unity remains an illusion unless the Government is prepared to move honestly and sincerely in its declared intentions.

Mr Speaker, Sir, the Gracious Speech from the Throne has also stipulated the importance and the vital necessity for education in our newly-emerging nation. Sir, to build an enlightened, intelligent and tolerant society, the educational system can play an effective role. But, unfortunately, our educational system is in a chaos. Frequent changes in the educational policy in the absence of a unified system have not produced the required standard of education in our country. This will substantiate my argument when one observes the results of the Lower Certificate of Education Examination for last year. More than 50% of the students who sat for the L.C.E. have failed, and let me pose a question to the Minister of Education: what action has he taken to find out the truth in respect of the failures? On my part, I think this calls for an inquiry to ascertain the reasons for such failures and to discover whether the national educational system of this country has failed and I think it is absolutely necessary to do so. An inquiry into the various

aspects of education is necessary to enable the formulation of a high standard of education to compete with the technological and scientific advancement of the modern world.

Mr Speaker, Sir, while we accept the National Language, we are also pledged to sustain and use other languages that are commonly used in Malaysia. Sir, while attempts are being made to learn the National Language, a number of Ministers in this House have sent their children abroad to learn English because they do not believe in the National Language; they have no confidence in their own educational system. It is a shame, Sir. These Ministers should set an example by sending their children to local schools. How can the educational system in this country suit the ordinary men when it is not satisfactory or suitable to the children of the Ministers who are responsible for framing and designing the educational system of our country, Sir? (*Tepok*). This is most disloyal, Sir. We call upon the Ministers to prove their sincerity and loyalty to the educational system because if we are going to forge national unity and an enlightened society in our country, then you must be able to send your children to local schools because when

they come back, they are going to be foreigners. They themselves will not understand our own society here. This is what the Government is creating and that is the reason. We from this part of the House have been saying: you have never been sincere, and you will not be sincere (*Tepok*).

Mr Speaker, Sir, His Majesty has also stated:

"If the country desires a more rapid progress in industry, youths who form about 60% of the population have to be provided with proper training."

Sir, though the Government has stressed the importance of technical training, it has not adequately provided facilities for training for those who are eager to acquire technical knowledge. Of course, Sir, there has been aid forthcoming from various countries and from the United Nations agencies. I was told—I may be wrong; I am subject to correction—that.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tanggohkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.35 petang.